



DASAR DAN STRATEGI PEMBANGUNAN INDUSTRI MUZIK MALAYSIA

BAB 1: LATAR BELAKANG INDUSTRI MUZIK MALAYSIA

MUZIK DALAM TEATER MALAYSIA

Menurut Prof. Dr. Mohamed Ghouse Nasuruddin (2003;91), bangsawan sudah mula menapak di Pulau Pinang lewat tahun-tahun 1870an. Bangsawan dibawa masuk oleh para pedagang India The East India Company. Kemunculan bangsawan dipercayai hasil daripada pengaruh wayang Parsi atau Mendu. Kehadiran bangsawan juga membawa bersama jenis muzik popular Malaysia apabila pemuzik bangsawan menjadi perintis dalam mempopularkan muzik gabungan elemen-elemen tradisi Malaysia.

2. Krishen Jit, seorang guru, ikon dan aktivis dalam teater kontemporari di Malaysia, selama inipun berpendapat bahawa drama/teater purbawara dan bangsawan sudah pasti wujud pada zaman lama sebelum merdeka lagi dan merupakan teater yang pertama sekali wujud di Malaysia. Drama dan teater sebegini menceritakan kehebatan Kerajaan Melayu dan orang serta watak-watak kenamaan dalam sejarah Melayu. Muzik iringan dimainkan secara langsung untuk mengiringi lagu-lagu bangsawan dan juga sebagai muzik latar. Maka muzik dalam teater bangsawan adalah satu komponen utama dalam teater, disamping para pemuzik dapat mencari rezeki sebagai pemuzik profesional ketika itu.

3. Institusi Malayan Arts Theatre Group (MATG) ditubuhkan pada tahun 1950an oleh kaum orang putih dan kemudian bertukar tangan kepada orang Malaysia. Institusi ini ditutup pada tahun 1978. Teater dan drama Cina, India dan Melayu pun wujud dalam konteks bahasa masing-masing di samping teater Barat. Bagaimanapun, kebanyakan pemuzik yang melibatkan diri dalam kumpulan teater atau drama seperti ini pada zaman selepas zaman bangsawan tidak boleh dianggap sebagai pemuzik profesional kerana punca rezeki mereka tidaklah hanya daripada teater. Penglibatan mereka adalah lebih kerana minat disebabkan mereka mempunyai kerja atau karier lain.

MUZIK DALAM INDUSTRI FILEM

4. Filem Laila Majnun adalah filem cereka Melayu yang pertama dibuat di Malaya oleh seorang pengarah berbangsa India yang bernama B.S. Rajhans pada tahun 1933. Hampir kesemua pelakon utama filem ini berasal dari "anak wayang" atau penggiat seni bangsawan. Filem ini menarik minat dan memikat hati Shaw Brothers (SB) untuk memulakan studio filem di Singapura, tetapi hasrat mereka hanya menjadi realiti selepas Perang Dunia II pada tahun 1947. Namun demikian, adik beradik Shaw yang berasal dari Hong Kong sempat juga menghasilkan lapan buah filem Melayu sebelum Perang Dunia II, di antara tahun 1930 hingga tahun 1938.

5. Zaman kegemilangan dunia perfileman atau "cinema" di Malaysia bermula apabila tamatnya Perang Dunia ke II. P. Ramlee mula bergiat dan menjadi "pemimpin industri" dunia perfileman Melayu dari tahun 1950an sehingga tahun 1960 di bawah naungan Shaw Brothers yang berpusat di Hong Kong ketika itu.

6. Pengaruh perfileman India amat ketara dalam filem-filem Melayu awalan kerana kebanyakan pengarah dan tenaga produksi ketika itu terdiri daripada bangsa India. Juga, persamaan dalam kebudayaan India dan Melayu mengalakkan dan memudahkan aliran ini ketika itu. Namun yang penting di sini adalah kaitan lagu-lagu popular dengan wayang gambar. Hampir kesemua lagu popular zaman sebelum tahun 1965 berasal dari dunia perfileman India mengikut aliran perfileman ketika itu yang masih belum berubah sehingga hari ini. Maka wujudlah ramai pemuzik profesional yang melibatkan diri dalam dunia perfileman memberi banyak peluang dan juga dorongan untuk kewujudan pemuzik profesional, pencipta muzik dan penulis lirik. Terdapat juga pemuzik seperti ini yang mencebur diri sebagai pelakon filem, seperti P. Ramlee. Ramai juga yang berhijrah ke Singapura dari Semenanjung untuk merebut peluang sedemikian di sana.

MUZIK DALAM INDUSTRI PENYIARAN

Penyiaran Awam - RTM

7. Pada tahun 1921, seorang jurutera elektrik Kerajaan Johor berbangsa Inggeris bernama A.L. Birch membawa masuk set radio yang pertama ke negara ini. Beliau kemudiannya menubuhkan Persatuan Wireless Johor dan memulakan penyiaran melalui gelombang 300 meter. Ini diikuti dengan penubuhan persatuan yang sama di Pulau Pinang dan juga Persatuan Wireless Tanah Melayu di ibu negara Kuala Lumpur.

8. Pada tahun 1930, Sir Earl dari Lembaga Pelabuhan Singapura memulakan siaran gelombang pendek dua kali seminggu iaitu pada hari Ahad dan Rabu. Usaha yang sama turut dilakukan oleh Persatuan Wireless Tanah Melayu dengan memulakan siaran tiga kali seminggu dari Bukit Petaling, Kuala Lumpur melalui gelombang 325 meter.

9. Namun demikian, sejarah penyiaran radio di Malaya hanya bermula dengan ketara apabila Radio Malaya ditubuhkan dengan tujuan utama untuk "propaganda". Melalui siaran radio dalam empat Bahasa (Melayu, Cina, Tamil dan Inggeris) Kerajaan British Malaya lebih berhasrat untuk menentang ancaman komunisme yang menular di Malaya selepas Perang Dunia II dan menjadi satu masalah yang serius ketika itu. Justeru, hiburan hanya dijadikan matlamat sampingan sahaja.

10. Maka dengan tujuan itu, Radio Malaya ditubuhkan dan digunakan untuk membawa maklumat yang benar dan terkini kepada rakyat Malaya untuk menentang sebaran berita palsu dan "propaganda" oleh penganas komunis. Dengan itu juga, muzik dan program hiburan lain dijadikan bahan sampingan dalam usaha untuk menarik minat orang awam mendengar radio.

11. Dengan perkembangan ini, media radio di Malaya juga mula memainkan peranan yang menonjol dalam perkembangan industri muzik Melayu dari tahun 1950an. Lagu-lagu dari filem Melayu sering kedengaran dalam siaran Radio Malaya. Lagu-lagu nyanyian R.Azmi seperti *Hitam Manis* dan *Terkenang Semasa Dulu* mula menjadi popular kerana media filem dan juga radio pada tahun 1950an. Kemudiannya lagu-lagu ciptaan P. Ramlee nyanyian beliau dan Saloma juga dipopularkan melalui media radio.

12. Aliran ini bertukar sedikit apabila lagu-lagu yang tidak ada kaitan langsung dengan filem mula popular. Lagu-lagu ini disiarkan oleh media radio sejak pertengahan 1960an apabila budaya muzik kumpulan gitar rancak (ringkasnya kugiran) dilahirkan - sekarang dinamakan sebagai era pop yeh yeh. Dengan kewujudan muzik kugiran, kaitan lagu popular dengan filem terputus dan terpisah hampir seratus peratus sehingga hari ini.

13. Bidang penyiaran kemudiannya mengorak setapak lagi apabila perkhidmatan TV diperkenalkan pada 28 Disember 1963 dari studio TV di Dewan Tunku Abdul Rahman, Jalan Ampang. Pada masa ini ancaman penganas komunis sudah berakhir. Kualiti dan juga jumlah program hiburan mula meningkat. Operasi siaran TV kemudiannya berpindah ke Kompleks Angkasapuri dan memulakan siaran pada 6 Oktober 1969. Operasi siaran Radio Malaysia juga berpindah ke Kompleks Angkasapuri dari Federal House.

14. Enam hari selepas itu, iaitu pada 11 Oktober 1969, radio dan TV bergabung dan diletakkan di bawah Jabatan Penyiaran Malaysia. Perkhidmatan TV berkembang selangkah lagi apabila rangkaian kedua dilancarkan pada 17 November 1969. Bidang penyiaran menjadi pemangkin kepada industri muzik apabila isi kandungan siaran amat memerlukan program-program muzik.

Penyiaran Swasta

15. Sistem Televisyen Malaysia Berhad (STMB) atau TV3 ditubuhkan pada tahun 1983 sebagai TV swasta Malaysia yang pertama, dan mula membuat siaran di Lembah Klang pada 1 Jun 1984. Dengan wujudnya stesen TV ini industri muzik dapat berkembang lagi seiring dengan rancangan muzik seperti Juara Lagu (1986) yang hingga sekarang menjadi salah satu anugerah yang diiktiraf dalam industri muzik.

16. Pada masa sekarang terdapat enam buah stesen penyiar TV dan hampir 40 stesen radio (termasuk stesen RTM) yang kesemuanya banyak memberi peluang dan perangsang yang kuat untuk perkembangan industri muzik di Malaysia.

MUZIK DALAM INDUSTRI RAKAMAN ALBUM KOMERSIAL

Latar Belakang Industri Rakaman

17. Hup Hup Sdn. Bhd. yang juga dikenali sebagai Life Records adalah syarikat rakaman pertama berdaftar di Malaya dan mula beroperasi pada tahun 1949. Selepas itu syarikat rakaman lain mula wujud dan bertapak dalam perniagaan muzik.

18. Pada tahun 1951, beberapa lagu popular dari filem direkodkan oleh syarikat piring hitam His Master's Voice (H.M.V.) nyanyian Rubiah, penyanyi yang dianggap sebagai 'penyanyi Melayu yang hebat sekali', dan Momo Latif yang dianggap sebagai penyanyi H.M.V. yang terulung. Semua syarikat rakaman dan pemilik studio rakaman dimiliki oleh syarikat antarabangsa seperti EMI atau saudagar Malaya dari kaum Cina.

19. Perkembangan muzik popular Malaysia dapat membangun seiring dengan kepesatan industri filem. Lagu-lagu ciptaan P.Ramlee menjadi popular melalui filem seperti *Penarek*

Becha (1955). Lagu-lagu beliau pernah diterbitkan oleh syarikat piring hitam antarabangsa seperti Pathe.


20. Pada pertengahan tahun 1960an satu genre atau gaya muzik baru yang di gelar "pop yeh yeh" telah timbul. Gaya ini bermula pertama kali di Singapura dan kemudian menular ke Malaysia. Kugiran dan penyanyi muzik pop yeh yeh yang paling awal dari Malaysia ialah Zainudin Md. Dom dengan lagu *Alamak Talang Kahwinkan Aku*, Roziah Latiff dan The Jayhawkers (1965), A. Rahman Hassan & Orkes Nirvana (1966), L. Ramli & Teruna Ria (1967), dan A. Halim & D'Fictions (1967). Pada tahun 1965 hampir ke semua syarikat rakaman tempatan dan antarabangsa hanya bertapak dan beroperasi di Singapura.

21. Pada era tahun 1970an Ahmad Nawab mengukir nama sebagai pencipta dan penerbit muzik komersial yang terkenal. Beliau banyak mencipta lagu bagi artis-artis terkenal waktu itu seperti Sharifah Aini, Uji Rashid, Hail Amir, Latiff Ibrahim, A.Razak, dan J.Mizan. Era tahun 1970an juga merupakan peralihan alat pemain muzik dari piring hitam kepada jenis katridge stereo empat track. Bunyi kumpulan muzik bentuk Latin jazz kombo menjadi gaya pop ketika itu. Muzik ini ketara dalam karya-karya yang dirakam oleh Ahmad Nawab dan juga Johari Salleh. Muzik pop ala Carefree dan Flybaits juga popular ketika itu. Satu lagi ikon pop yang popular dan yang diingati pada dekad ini ialah Sudirman Hj. Arshad dengan gaya muzik popnya yang mudah difahami dan dihayati oleh semua lapisan masyarakat dan kaum di Malaysia.

22. Pada awal tahun 1980an pula alat pemain muzik kaset diperkenalkan. Pada era ini muzik pop dan kualiti rakaman mula berkembang. Syarikat rakaman Melayu yang pertama iaitu The Booty Boys Studio mula beroperasi pada tahun 1982. Kumpulan Alleycats juga mula merakamkan lagu Melayu pada era ini bersama kumpulan rock seperti Wings dan Search. Kumpulan Alleycats masih kekal sebagai satu ikon pop dalam industri pop di Malaysia.

23. Satu jenis muzik baru iaitu fusion jazz diperkenalkan pada tahun 1980an oleh Roslan Aziz dan The Booty Boys melibatkan artis Sheila Majid. Penerbitan album pertama Sheila tidak diterima oleh mana-mana syarikat antarabangsa dan, oleh yang demikian, album pertama itu dipasarkan oleh syarikat Melayu kecil kepunyaan Zali Kamari. Apabila album Sheila "meletup" syarikat EMI mengambil alih artis ini.


24. Pada tahun 1960an semua studio rakaman menggunakan sistem rakaman analog dengan pita rakaman dua inci dan mixer satu hingga 12 saluran sahaja. Pada tahun 1970an mixer 16 saluran mula digunakan dan pada tahun 1980an pula alatan studio rakaman terus meningkat canggih sehingga sekarang apabila hampir semua rakaman komersial dibuat dalam format digital. Dengan ini teknik dan teknologi rakaman di Malaysia mula setaraf dengan mana-mana negara maju.



BAB 2: STATUS TERKINI INDUSTRI MUZIK MALAYSIA

Industri muzik boleh dibahagikan kepada dua bahagian utama iaitu Bahagian Pengeluaran dan Penghasilan, serta Bahagian Sokongan. Bahagian Pengeluaran dan Penghasilan dibahagikan kepada dua lagi kumpulan kecil iaitu syarikat rakaman dan karyawan.

Bahagian Sokongan pula terdiri daripada beberapa agen sebaran dan sokongan muzik seperti industri perfileman, stesen radio dan TV, wartawan, penganjur konsert, pengurus acara, serta penyedia kemudahan infrastruktur untuk pementasan muzik seperti sistem audio, pentas, dan lampu. **Sila lihat Rajah 1 di bawah.**



Status Terkini Industri Muzik (Bahagian Pengeluran)

Jumlah Keseluruhan Pendapatan Industri (tahun 1996-2003)

TAHUN	JUALAN RM (juta)
1998	225
1999	220
2000	201
2001	158
2002	110
2003	113
2004	111

* Laporan jualan yang diaudit ahli Persatuan Industri Rakaman Malaysia (RIM)

BIL	SYARIKAT DAN PERTUBUHAN	1997	2004
1	Pertubuhan	5	3
2	Agen	1	0
3	Penganjur Konsert	13	4
4	Juruperunding	2	0
5	Media	8	3
6	Produser	11	10
7	Syarikat Rakaman	49	49
8	Pengilang	5	5
9	Pengedar/ Pengeluar	19	19
10	Studio Rakaman	5	5

- <http://www/immedia.com.au/amid/Jan97/index.html>

Jumlah Syarikat Dan Pertubuhan Dalam Industri (tahun 1997 & 2004)
Andaian Kemerosotan Industri Muzik (tahun 1997-2004)

2. Bilangan agen utama dalam industri muzik seperti penganjur konsert, pentadbir syarikat rakaman, pengusaha dan penerbit album sudah mula meninggalkan industri muzik untuk mencari kerja lain yang mungkin lebih menarik dan menguntungkan. Antara sebab yang lain adalah:

i) Pengeluaran album sudah tidak dianggap sebagai satu usaha yang menguntungkan kerana budaya cetak rompak yang berleluasa.

ii) Perkembangan yang begitu ketara dalam sistem penyiaran TV dan radio yang mana memperbanyakkan dan meluaskan peluang kepada peminat muzik untuk dihibur dengan percuma dalam keselesaan rumah masing-masing.

iii) Pihak remaja yang biasanya dianggap penyokong utama industri muzik masa kini:

- mungkin mempunyai kewangan yang terhad untuk dibelanjakan bagi tujuan membeli album, berhibur, atau menggunakan telefon bimbit.
- berupaya memperolehi muzik secara percuma dengan membuat salinan melalui komputer sendiri atau internet dan MP3.
- kurang menghormati konsep hakcipta dan hak istimewa karyawan muzik.
- tidak dididik di sekolah untuk menghayati budaya persembahan muzik secara langsung.

iv) Penganjur konsert menghadapi risiko yang semakin tinggi untuk mengadakan sesuatu konsert kerana:

- kerumitan yang dihadapi dalam proses meluluskan permit dengan beberapa agensi kerajaan yang beroperasi tanpa satu arah yang bersepadu.
- tidak mempunyai pusingan modal yang mencukupi.
- peminat muzik kurang minat menonton konsert secara berbayar disebabkan terdapatnya penganjuran konsert secara percuma seperti Konsert Sure Heboh, dsb.

Status Terkini (Bahagian Sokongan)

Kutipan Royalti MACP (tahun 1996 hingga tahun 2005)

3. Music Authors' Copyright Protection (MACP) mewakili pencipta lagu dan penulis lirik dalam kutipan royalti persembahan awam dan penyiaran. Berikut ialah laporan kutipan MACP bertarikh 9 Mac 2005.

TAHUN	JUMLAH RM '000
1989/ 1990	435
1991	1,377
1992	2,196
1993	2,620
1994	6,643
1995	6,965
1996	7,353
1997	8,417
1998	7,896
1999	8,547
2000	9,714
2001	10,853
2002	12,446
2003	16,338
2004	19,159

**Jumlah Keahlian Pencipta/Penulis Lirik Yang Berdaftar Dengan MACP
(Laporan MACP bertarikh 9 Mac 2005)**

TAHUN	JUMLAH	PERTAMBAHAN AHLI
1989/1990	78	-
1991	148	70
1992	214	66
1993	332	118
1994	396	64
1995	490	94
1996	809	319
1997	895	86
1998	1081	186
1999	1239	158
2000	1374	135
2001	1612	238
2002	1810	198
2003	1992	182
2004	2075	83

Perkembangan Pendapatan Bahagian Sokongan Dalam Industri Muzik

4. Bahagian Sokongan merupakan bahagian yang penting dalam perkembangan dan kemajuan industri muzik dan industri ini mewakili golongan yang terlibat secara artistik dalam penghasilan produk yang berasaskan muzik. Golongan ini juga digelar karyawan iaitu pencipta lagu, penulis lirik, penggubah muzik, pemuzik dan jurutera bunyi. Daripada sudut ekonomi karyawan juga memperoleh pendapatan melalui hasil karya mereka melalui kutipan royalti mekanikal (*hardcopy*), persembahan dan penyiaran awam.

5. Untuk kutipan royalti melalui mekanikal, karyawan memperoleh pendapatan daripada penjualan album dan produk lain yang berasaskan muzik (klip video, karaoke, dan kompilasi) yang jumlah bayarannya ditentukan melalui jumlah penjualan produk ini oleh syarikat rakaman dan penerbit produk itu (kutipan dari royalti industri teras). Untuk kutipan royalti persembahan dan penyiaran awam pula terdapat tiga badan yang bertanggungjawab iaitu MACP (mewakili pencipta lagu, penulis lirik dan syarikat penerbit lagu), Public Performance Malaysia Sdn. Bhd. (PPM) (mewakili syarikat rakaman) dan akhir sekali yang baru ditubuhkan pada tahun 2003 ialah Performers and

Artistes' Rights (Malaysia) Sdn. Bhd. (PRISM) (mewakili penyanyi dan pemuzik rakaman).

6. Berdasarkan kesedaran masyarakat Malaysia ketika ini hak-hak ciptaan karyawan mula diiktiraf dan diberi penghormatan. Ini adalah berdasarkan jumlah kutipan royalti yang sentiasa meningkat berjumlah RM0.435 juta pada tahun 1989 dan RM 19.159 juta pada tahun 2004. Peningkatan ini juga disebabkan oleh pertambahan jumlah stesen penyiaran (radio dan TV) di Malaysia pada era tahun 90an seperti kemunculan Time Highway Radio, Classic Rock, Radio Era, Light and Easy, Radio IKIM, di samping radio-radio tempatan di setiap negeri.

7. Televisyen berbayar juga mula muncul pada era tahun 90an iaitu ASTRO yang mempunyai rangkaian khusus bagi program TV tertentu. Stesen TV swasta selain TV3 juga mula membuat siaran pada era berkenaan seperti NTV7, Channel 9 dan lain-lain. Setiap siaran lagu melalui program TV dan radio oleh stesen-stesen ini melibatkan pembayaran royalti kepada badan-badan pengutip yang bertanggungjawab.

8. Disamping itu, kepesatan ekonomi Malaysia pada era tahun 90an juga menyumbang kepada pertambahan kutipan royalti persembahan awam apabila banyak syarikat perniagaan muncul dan mula menggunakan muzik sebagai alat untuk menarik perhatian pelanggan, seperti hotel, restoran, pusat karaoke, syarikat pengangkutan awam, kilang dan banyak lagi. Setiap penggunaan muzik di dalam premis ini melibatkan pembayaran royalti kepada yang berhak.

9. Jika dilihat daripada statistik yang dikeluarkan oleh MACP ini bolehlah dikatakan bahawa karyawan masih lagi boleh menghasilkan karya dan menikmati pulangan daripada karya intelek mereka. Peningkatan jumlah kutipan royalti sehingga kini membuktikan bahawa kemunculan stesen penyiaran swasta juga dapat membantu meningkatkan ekonomi negara. Namun jika dilihat daripada statistik ini kegawatan ekonomi juga memberi kesan terhadap kutipan apabila banyak premis yang menjual 100% album muzik ditutup dan/atau menjual album VCD dan DVD juga. Kutipan menurun sedikit pada tahun 1998 iaitu RM7.896 juta berbanding sebanyak RM8.417 juta pada tahun 1997, berkurangan sebanyak RM0.551 juta. Namun pada tahun 1999 jumlah kutipan meningkat kembali kepada RM8.547 juta.

10. Kesedaran karyawan yang terlibat dalam industri muzik juga menyumbang ke arah peningkatan jumlah kutipan royalti ini kerana petambahan jumlah karyawan juga melibatkan pertambahan jumlah lagu yang didaftarkan. Ini boleh dilihat daripada laporan MACP tahun 1989 yang hanya 78 ahli sahaja yang berdaftar berbanding 2,075 orang pada tahun 2004, penambahan seramai 1,997 orang ahli. Ini menunjukkan bahawa karyawan yang terlibat dalam industri muzik masih lagi bertambah dan yang sedia ada masih lagi boleh menerima hasil daripada karya-karya mereka.


11. Data-data yang diperoleh ini tidak termasuk kutipan royalti mekanikal oleh karyawan daripada syarikat rakaman yang terlibat kerana selalunya syarikat-syarikat rakaman ini agak sukar menyemak dan memperoleh kembali data-data lama ini disebabkan oleh faktor masa dan rahsia syarikat terbabit.



12. Kesimpulan yang boleh dibuat adalah karyawan masih boleh meneruskan pengkaryaan dan memperoleh sumber pendapatan daripada harta intelek mereka. Namun Kerajaan perlu terus membantu kebajikan karyawan-karyawan ini yang merupakan nadi penggerak kepada industri muzik tanahair dan salah satu unsur yang menjadi imej kepada negara melalui muzik yang dihasilkan, disamping pihak syarikat juga perlu menjaga kebajikan mereka.



BAB 3: PERMASALAHAN YANG MENJEJASKAN PERTUMBUHAN INDUSTRI MUZIK MALAYSIA

Jika dibandingkan dengan sektor perkilangan atau pembuatan, industri muzik tidak mempunyai struktur rangkaian pembekal tetap dan pengeluaran yang seragam. Sebaliknya, industri ini kian berubah berasaskan pengeluaran sesuatu lagu atau album dan sangat bergantung kepada sumbangan para karyawan. Daripada segi rangkaian utama, industri muzik terbahagi kepada lima bidang penting dan setiap bidang pula (Artis & Repertoire, Rakaman, Pengeluaran, Pemasaran, Promosi & Pengiklanan serta Pulangan & Jualan) mempunyai komponennya tersendiri.





2. Industri muzik beroperasi seperti sebuah ekosistem yang mempunyai hubungan simbiotik diantara individu (para artis, pencipta lagu, penggubah, produser dan sebagainya) dan syarikat-syarikat yang terlibat (syarikat rakaman, syarikat penerbitan, studio rakaman, studio penerbitan dan sebagainya). Hubungan sedemikian menyebabkan kesan tindakbalas secara langsung dan menyeluruh samada positif atau negatif terhadap rangkaian industri muzik tersebut.

Masalah-Masalah Dalam Industri Muzik

3. Bagi mengkaji masalah-masalah yang dihadapi oleh industri muzik, halacara yang diambil ialah melalui penelitian dan perspektif rangkaian utama industri tersebut.

Artis Dan Repertoire

4. Jumlah pengeluaran rakaman baru yang kian berkurangan dewasa ini mengakibatkan kurangnya peluang bagi para artis untuk menyertai industri ini. Keadaan ini juga menyebabkan penggiat muzik kurang memperolehi sumber pendapatan bagi menampung kehidupan mereka semata-mata dari industri ini.

Kurang Peluang Rakaman:

4.1 Jumlah artis rakaman baru berkurangan sementara tidak ramai artis terkemuka diberi peluang membuat rakaman album baru. Hanya segelintir artis terkenal sahaja yang masih berpeluang membuat rakaman dan diberikan promosi. Artis ini merupakan mereka yang berjaya mendominasi industri dengan memonopoli radio, undangan persembahan dan peluang penajaan. Permintaan terhadap artis kurang popular pula atau artis yang tidak begitu terkenal lagi semakin berkurangan dan akhirnya mengakibatkan ramai yang mengambil tindakan meninggalkan industri ini.

Kurang Permintaan Untuk lagu Baru:

4.2 Kurangnya pengeluaran album baru bererti kurangnya permintaan untuk lagu baru. Kebanyakan para penulis dan penggubah lagu tempatan mendapati sukar untuk menyara hidup semata-mata dengan mencipta lagu; ramai menganggapnya sebagai pendapatan sampingan dan bergantung sara hidup daripada punca pendapatan pekerjaan tetap yang lain. Selain itu, peluang hanya diberikan kepada segelintir golongan yang dianggap mempunyai "formula" berjaya, menjadikan industri ini kurang berminat untuk mencuba sesuatu yang baru. Ini mengakibatkan andaian kebanyakan lagu dalam pasaran masa kini mempunyai corak dan rentak yang tidak jauh berbeza.

Jangka Hayat Kerjaya Yang Terhad:

4.3 Memandangkan jangka hayat kerjaya kebanyakan artis begitu terhad (di antara 5 hingga 10 tahun), ramai yang tidak tahu arah yang hendak dituju atau bagaimana menampung hidup sebaik saja mereka tidak diperlukan lagi sebagai penghibur. Tidak seperti pasaran muzik antarabangsa, tidak ramai artis veteran tempatan yang berjaya melangkah ke tahap lain untuk berkecimpung di dalam industri dalam bidang pengurusan atau penerbitan.

Kurang Komitmen:

4.4 Ramai artis percaya mereka telah berjaya apabila menandatangani kontrak rakaman. Mereka mudah gembira dengan status sebagai artis tetapi tidak pula berusaha untuk meningkatkan profesionalisme. Sesetengahnya tidak percaya bahawa industri ini boleh memberikan keselesaan jangka panjang lalu tidak mahu mencuba dengan lebih gigih.

Kurang Daya Minat Meningkatkan Tahap Profesionalisme:

4.5 Tidak ramai artis yang mengambil peluang rakaman sebagai satu peluang untuk meningkatkan pembelajaran mengenai perniagaan muzik dan memperbaiki kemahiran diri. Disamping itu, mereka yang memberi perhatian terhadap bidang-bidang lain dalam industri muzik seperti pengurusan, penerbitan muzik dan kemahiran keusahawanan juga amatlah berkurangan.

Tahap Disiplin Yang Rendah:

4.6 Terdapat anggapan mengenai kurangnya disiplin sesetengah artis khususnya yang tidak berkelakuan profesional, kurang menghormati orang lain dan terjebak dalam penyalahgunaan dadah.

Sumber Bimbingan Yang Terhad:

4.7 Artis amat memerlukan bimbingan dalam pelbagai aspek terutamanya bagi menambahkan ilmu pengetahuan dalam bidang nyanyian, pembentukan peribadi dan imej diri, pengurusan masa dan sebagainya. Namun keperluan-keperluan ini tidak diberi perhatian serius, antaranya kerana:

- i) Kurangnya kursus/ceramah oleh individu berpengalaman dari masa ke semasa untuk memperkukuhkan lagi industri ini.
- ii) Kekurangan tenaga pakar untuk membimbing pemuzik-pemuzik baru yang terlibat dalam bidang ini secara profesional. Ramai yang telah bertukar kerjaya disebabkan penurunan dan penutupan beberapa syarikat rakaman.
- iii) Syarikat rakaman tidak memperuntukkan kewangan yang mencukupi untuk pembentukan peribadi yang berterusan bagi seseorang artis. Ini biasanya diserahkan kepada pengurusan artis namun tidak ramai pula pengurus yang berkemahiran. Terdapat juga keadaan artis menggunakan khidmat ahli keluarga sebagai pengurus.
- iv) Kebanyakan artis tidak mendapat pendidikan yang formal dalam bidang nyanyian. Justeru mereka tidak mempunyai kualiti dan pakej persembahan yang boleh diketengahkan ke peringkat antarabangsa.

Pandangan Negatif Masyarakat:

4.8 Industri muzik mengalami pandangan negatif bahawa ianya bukanlah merupakan sebuah industri yang boleh menjamin masa depan; hanya dilihat sebagai satu bidang hiburan dan bukan sebagai penyumbang kepada ekonomi. Harta intelek yang dihasilkan pula tidak dihormati sebagai sumbangan terhadap warisan budaya Negara. Para penglibat di dalam industri muzik tidak dipandang sebagai profesional sepertimana industri-industri lain di negara ini.

Laporan Yang Disensasikan:

4.9 Media, terutama media cetak, lebih gemar membuat laporan mengenai isu peribadi artis yang disensasikan seperti perceraian, khalwat, penagihan dadah dan sebagainya. Laporan-laporan sebegini memburukkan golongan artis serta industri itu sendiri. Tidak hairanlah jika ramai ibu bapa yang tidak menggalakkan anak mereka berkecimpung di dalam industri ini.

Rakaman

5. Kurangnya album bererti kurangnya peluang pekerjaan bagi penerbit album, penyusun muzik dan pekerja studio. Secara tidak langsung pengusaha studio yang tidak dapat menampung kos 'overheads' bulanan terpaksa menutup perniagaan mereka dan ini mengakibatkan pekerja mereka (seperti jurutera audio, penerbit, dsb) hilang pekerjaan. Mereka yang berkebolehan dan mempunyai kemampuan membuka studio "semua dalam satu" (yakni mencipta lagu, membuat susunan muzik, dan menerbit dengan kadar murah) secara kecil-kecilan. Mereka yang tidak berupaya berbuat demikian biasanya meninggalkan terus industri ini atau mencari peluang pekerjaan di negara lain,

6. Permintaan untuk pemuzik bermusim dan pemuzik studio juga telah menurun secara mendadak memandangkan mereka yang menerbitkan album secara "semua dalam satu" ini menggunakan bunyian muzik yang telah diadun (synthesized) daripada muzik yang dimainkan secara "langsung" untuk menurunkan kos pengeluaran. Tindakan sebegini menjejaskan kualiti penerbitan.

Pengeluaran

7. Nadi utama industri muzik adalah pelaburan yang berterusan di dalam pengeluaran album baru oleh syarikat rakaman. Pelaburan ini samalah seperti penyelidikan dan pembangunan (P&P) bagi sektor perkilangan. Kurangnya R&D akan membantutkan potensi pertumbuhan industri ini. Sebab-sebab berlakunya penurunan dalam pelaburan ini adalah:

Kebocoran Pada Kitaran "Sumber Hasil-Pelaburan":

7.1 Ini berkait rapat dengan kerugian hasil penjualan akibat gejala cetak rompak yang berleluasa. Impak daripada kebocoran ini bermakna hasil pulangan yang diperolehi daripada pelaburan dalam rakaman dan penjualan produk asli muzik adalah lebih jauh kurang daripada yang dijangkakan. Lebih besar saiz kebocorannya maka lebih besarlah impak kebocoran kitaran ini.

Kurang Keyakinan Untuk Melabur:

7.2 Kebelakangan ini, dengan mengambilkira pengekal kemerosotan dalam perniagaan, industri muzik dilihat sebagai sebuah sektor yang memberikan pulangan negatif (yakni kadar pulangan tidak begitu menarik berbanding jumlah pelaburan). Kurangnya keyakinan di dalam industri ini bermakna akan berkuranglah sumber kewangan untuk pengeluaran album-album baru.

Kurang peluang Kerjaya Dengan Syarikat Rakaman:

7.3 Kesan daripada ini juga menyebabkan kurangnya peluang pekerjaan untuk para eksekutif baru menyertai industri rakaman memandangkan kebanyakan syarikat rakaman telah mengecilkan perniagaan mereka. Impak yang lebih besar lagi ialah ramai eksekutif kanan meninggalkan industri ini untuk berkecimpung di dalam bidang pekerjaan lain membawa bersama mereka pengalaman dan pengetahuan yang begitu diperlukan di dalam industri ini.

Pengurangan Pengeluaran Video:

7.4 Permintaan terhadap pengeluaran video menjadi semakin berkurangan memandangkan kurangnya penghasilan lagu-lagu hit. Kos pengeluaran video yang dihasilkan pula terpaksa dikurangkan. Akibatnya hanya sebilangan kecil jumlah video yang dihasilkan adalah bertaraf antarabangsa. Ramai juga pengeluar video tidak menganggap industri muzik sebagai sumber pendapatan yang boleh diharapkan lagi.

Sokongan Kewangan Yang Berkurangan:

7.5 Syarikat rakaman menanggung sepenuhnya kos pengeluaran album baru dengan harapan untuk mendapat pulangan daripada pelaburan melalui penjualan album tersebut. Adalah agak sukar untuk mendapatkan kerjasama pihak swasta bagi menanggung pengeluaran dan membiayai kegiatan promosi. Institusi kewangan

pula kurang berminat untuk memberi pinjaman bagi membiayai pengeluaran tanpa adanya cagaran terhadap pinjaman.

7.6 Apabila sesebuah syarikat rakaman mengurangkan jumlah album yang diterbitkan, tidak ada lagi pihak lain yang mahu memikul tanggungjawab untuk mengisi kekosongan yang ditinggalkan. Beberapa artis yang kehilangan kontrak rakaman masih boleh menghasilkan album sekiranya mereka mempunyai kewangan sendiri. Mereka yang tidak mempunyai sokongan kewangan biasanya akan terus meninggalkan industri.

Pemasaran, Promosi Dan Pengiklanan

8. Pemasaran dan promosi amat penting dalam memperkenalkan hasil muzik sama ada di dalam atau di luar negara. Hanya melalui promosi yang baik sahaja hasil muzik dapat diperkenal, didendang, dihayati dan diminati oleh peminat. Susunan atau gubahan muzik yang indah diadun dengan lirik yang baik dan dinyanyikan oleh penyanyi yang bersuara merdu sudah tentu dapat menarik orang ramai meminati muzik/lagu yang didendangkan. Lagu-lagu ini sekiranya dipromosi dengan baik tentulah mendapat pasaran dan memberi hasil yang lumayan kepada artis-artis yang terlibat.

9. Konsert merupakan sumber pendapatan yang berharga buat industri dan para penglibatnya. Dengan mengadakan lebih banyak persembahan secara langsung artis juga dapat memperbaiki kebolehan dan penampilan pentas mereka. Malangnya, wujud beberapa isu menyekat pertumbuhan konsert dan persembahan sebegini. Antaranya ialah:

Birokrasi Dalam Pengendalian Konsert:

9.1 Melibatkan terlalu banyak permit, prosedur dan proses yang diperlukan dari badan Kerajaan di peringkat Persekutuan, Negeri dan Kerajaan Tempatan. Terlalu sukar mendapatkan konsesi bagi prosedur sebenarnya kerana prosedur dan keperluan sering bertukar dari acara ke acara dan dari satu badan ke satu badan lain. Ini amat menyulitkan bagi pengendalian serentak di beberapa buah tempat dan bagi pertunjukan bergerak.

Kelewatan Mendapatkan Kelulusan:

9.2 Dengan adanya struktur proses untuk mendapatkan kelulusan yang telah ditetapkan, penganjur biasanya akan berhadapan dengan kerenah birokrasi untuk mendapatkan permit terutama apabila adanya terlalu banyak pertanyaan dan kurangnya pengetahuan pihak yang bertanggungjawab.

Kurang Tajaan:

9.3 Larangan yang dikenakan terhadap iklan rokok secara langsung memberi tekanan terhadap penganjur konsert, memandangkan industri tembakau merupakan penaja utama banyak acara muzik. Setakat ini amat kurang penaja lain yang tampil untuk menaja.

Kurang Venue Pementasan Yang Bersesuaian:

9.4 Struktur paling ideal untuk pengendalian sesebuah konsert adalah venue yang bersesuaian agar acara muzik dapat diadakan secara berterusan di seluruh Malaysia. Malangnya, Malaysia kurang kemudahan tersebut, dan akibatnya acara muzik diadakan di tempat yang paling mudah seperti di padang-padang awam tanpa mengambil kira kesesuaiannya.

Duti Hiburan Yang Tinggi:

9.5 Walaupun Kerajaan Persekutuan telah menghapuskan duti hiburan bagi persembahan konsert di Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, namun Kerajaan-Kerajaan Negeri masih mengenakan duti hiburan bagi konsert di negeri masing-masing. Duti hiburan berjumlah 25% yang dikenakan ke atas setiap tiket yang dijual dianggap agak tinggi bagi pengurus konsert.

Pulangan Dan Jualan

10. Sejak tahun 2003, tekanan telah diberikan kepada industri rakaman untuk menurunkan harga CD dan VCD. Di sebalik tekanan terhadap pulangan, kos pengeluaran semakin meningkat menjadikan penerbit semakin kurang mendapat pulangan dan semakin tidak berminat untuk melibatkan diri dalam industri muzik. Ini disebabkan:

Kenaikan Kos Pemasaran Dan Pengiklanan:

10.1 Kebelakangan ini media elektronik dan media cetak telah menaikkan kadar pengiklanan bagi seni muzik lebih daripada 30% (Radio Era meningkat sebanyak 42%, TV3 meningkat 40%).

Kenaikan Kos Pengilangan:

10.2 Kos pengilangan terus meningkat dengan meningkatnya kos mengimport bahan mentah seperti polykarbonat dan pita audio yang digunakan untuk menerbitkan CD dan kaset.

Kenaikan Kos Penghantaran Dan Pengeedaran:

10.3 Oengan kenaikan harga petrol kos penghantaran dan pengedaran telah meningkat secara mendadak dalam jangka masa pendek.

Bilangan Penjual Produk Seni Muzik Yang Berkurangan:

10.4 Jumlah peniaga runcit yang sah menjadi semakin berkurangan memandangkan ramai mendapati agak payah untuk hidup dalam keadaan pasaran sekarang. Satu lagi aspek yang turut menyumbang kepada penurunan hasil penjualan album tempatan adalah tindakan Kerajaan melarang penjualan album dan video muzik di pasar malam. Walaupun tindakan ini berjaya memberhentikan kegiatan menjual album asli di pasar malam, namun ini tidak berjaya mematahkan kegiatan lanun yang menjual album cetak rompak secara terbuka di sana.

10.5 Sebagai usaha mengawal kos, sesetengah syarikat memilih untuk menggunakan produksi "semua dalam satu", pembekalan murah dan bajet rendah untuk rakaman dan video. Walaupun mereka cuba mengekalkan lebih nilai kepada wang pengguna, penurunan daripada segi kualiti begitu ketara dan mempunyai kesan negatif terhadap imej industri muzik, sekaligus menjauhkan pengguna daripada membeli produk asli. Ini juga mengurangkan peluang untuk album tempatan mendapat pasaran di luar negara.

Cetak Rompak (Piracy):

10.6 Kegiatan cetak rompak merupakan ancaman terbesar industri muzik di seluruh dunia. Kesannya terhadap ekonomi sangat dirasai, terutama terhadap rangkaian industri muzik itu sendiri. Kegiatan tidak bermoral ini tidak mengenal mangsa, termasuk

artis yang tidak mendapat apa-apa habuan daripada hasil kreativitinya, kehilangan jutaan ringgit dalam bentuk kutipan cukai kepada Kerajaan, pengguna pula dinafikan hak membuat pilihan dan membeli, sementara penerbit album yang tidak mampu bersaing dengan pengusaha cetak rompak terpaksa mengurangkan artis rakaman mereka. Tegasnya, kegiatan cetak rompak merupakan kegiatan utama yang menyekat perkembangan ekonomi terutama pelaburan baru. Senario ini sangat jelas terutama di negara sedang membangun yang bukan sahaja gagal menguatkuasakan undang-undang berkenaan harta intelek malah sukar pula melahirkan kelompok artis yang berjaya.



Carta 1

TAHAP CETAK ROMPAK DALAM INDUSTRI MUZIK SELURUH DUNIA PADA TAHUN 2001 (DALAM KIRAAN UNIT)				
Benua	Melebihi 50%	25-50%	10-25%	Kurang 10%
AMERIKA UTARA				Canada USA
EROPAH	Bulgaria CIS Estonia Greece Latvia Lithuania Romania Russia Ukraine	Cyprus Rep Czech Italy Poland Slovakia Spain	Croatia Finland Hungary Netherlands Slovenia Turkey	Austria Belgium Denmark France Germany Iceland Ireland Norway Portugal Sweden
ASIA	China Indonesia Malaysia Pakistan	India Philippines Taiwan Thailand	Hong Kong Singapura Korea Selatan	Japan
AMERIKA LATIN	Bolivia Brazil Amerika Tengah Colombia Equador Mexico Paraguay Peru Venezuela	Argentina Chile Uruguay		
AUSTRAL-ASIA				Australia New Zealand
TIMUR TENGAH	Egypt	Israel Kuwait Lebanon Arab Saudi	Bahrain Oman Qatar	UAE
AFRIKA	Kenya Nigeria		Ghana Afrika Selatan Zimbabwe	AFRIKA

10.7 Persekutuan Antarabangsa Industri Fonografik (The International Federation of the Phonographic Industry -IFPI) menganggarkan pada tahun 2003 sahaja pasaran muzik yang dicetak rompak di seluruh dunia berjumlah 1.9 bilion unit. Hampir 40%

daripada semua CD dan kaset yang dijual di seluruh dunia ialah hasil cetak rompak. Kegiatan ini dianggarkan bernilai antara US\$4 hingga 5 bilion. Angka ini bagaimanapun adalah lebih kecil daripada kerugian dan kehilangan yang ditanggung oleh syarikat rakaman. Sebanyak 60% jualan cetak rompak dalam pasaran adalah berbentuk cakera padat yang dibuat di kilang-kilang atau makmal haram, pengusaha kecil yang bertindak sendirian atau menggunakan kaedah yang lebih canggih seperti CD-R (CD-recordable).

10.8 Cetak rompak menggunakan CD-R terus dijalankan dengan meluas di seluruh dunia kerana beberapa sebab. Antaranya peralatan CD-R yang canggih, murah dan mudah didapati serta ditambah dengan peralatan "high speed burners" yang mampu merakamkan persembahan muzik selama 74 minit dalam sekeping cakera dalam tempoh 3 minit sahaja.

Kesannya menyebabkan lebih banyak pengusaha haram yang berani melakukan kegiatan ini kerana pulangan yang lumayan.

10.9 Penggunaan CD-R dalam aktiviti cetak rompak telah mewujudkan beberapa masalah pada industri ini, antaranya :

- i) Jika dibandingkan dengan kaedah lain operasi CD-R adalah lebih mudah, selamat dan bersifat tertutup.
- ii) Bertambahnya kegiatan mencetak rompak hasil muzik tempatan. Ketika operasi oleh pengusaha CD haram yang menggunakan peralatan yang lebih besar tertumpu kepada artis antarabangsa, pengusaha kecil yang menggunakan kaedah CD-R pula menumpukan perhatian kepada menerbitkan rakaman cetak rompak artis tempatan.
- iii) Rakaman muzik yang dihasilkan melalui kaedah CD-R dapat dijual dengan harga yang lebih rendah berbanding kaedah lain.

10.10 Sementara itu, pengeluaran cakera padat dari kategori "pressed disc" juga meningkat pada tahun 2003 kerana:

- i) Wujud keadaan lebih-upaya (overcapacity) serta persaingan dalam industri ini dan ditambah permintaan yang lebih tinggi terhadap cakera cetak rompak serta pelaburan yang berlebihan.
- ii) Kemajuan teknologi membolehkan industri ini berkembang pesat dan industri ini tidak memerlukan ramai pekerja mahir.
- iii) Bertambahnya peralatan pembuatan yang telah digunapakai (second hand) serta murah.
- iv) Kurangnya aspekperundangan dan penguatkuasaan di kebanyakan negara yang mengeluarkan cakera padat.

Cetak Rompak Di ASIA:

10.11 Negara-negara di Asia iaitu China, Taiwan dan Thailand merupakan antara pasaran cetak rompak muzik terbesar di dunia. Eksport cakera padat cetak rompak ini telah memberi kesan yang besar kepada pasaran lain di dunia. Majoriti kaset yang dicetak rompak di Asia menyumbang separuh daripada pasaran cetak rompak.

Bagaimanapun, cakera padat yang dicetak rompak masih menguasai majoriti bahan yang dieksport.

Carta 2

ANGGARAN PENGELUARAN TAHUN 2001		
Negara	Anggaran Keupayaan - Semua Bentuk (Juta Unit)	Jumlah Permintaan Yang Sah Untuk Semua Jenis Cakera (Juta Unit)
Taiwan	8,000	200
Hong Kong	3,000	140
China	1,800	700
India	750	120
Singapura	700	70
Malaysia	500	60
Indonesia	200	15
Rusia	185	60
Poland	180	100
Macau	150	1

Carta 3

PASARAN TERBESAR CETAK ROMPAK DUNIA (TAHAP CETAK ROMPAK TEMPATAN) TAHUN 2001		
Negara	Nilai Cetak Rompak (US\$)	Nilai Cetak Rompak (Kiraan Unit)
China	400	90%
Rusia	240	65%
Brazil	215	55%
Indonesia	205	85%
Mexico	175	60%
Italy	110	25%
Spain	70	30%
Taiwan	50	50%
Poland	40	30%
Greece	35	30%

Cetak Rompak Di MALAYSIA:

10.12 Bahan cetak rompak di Malaysia masih menguasai 50% daripada pasaran dan masih menjadi isu yang berterusan dalam industri muzik. Kegiatannya yang menular hampir membunuh industri muzik Negara. Pada masa ini kegiatan ini masih tertumpu kepada berbentuk fizikal kerana cetak rompak melalui internet belum lagi menjadi isu utama. Dengan aplikasi jalurlebar (broadband) dan meningkatnya penggunaan internet pasti akan menjadikan cetak rompak melalui internet isu baru di Malaysia.

10.13 Seperti kebanyakan negara yang mengalami masalah cetak rompak, kerugian ekonominya amat dirasakan terutama kepada rangkaian yang terlibat dengan industri muzik. Antara kelompok yang mendapat kesannya ialah penyanyi, penulis lirik, penggubah, penerbit, pemuzik, studio rakaman dan jurutera audio. Kesan langsungnya meniadakan bakat seni dan pendapatan yang lumayan kepada artis. Memerangi gejala cetak rompak bukan sahaja bermaksud memastikan

kelangsungan industri muzik tempatan, malahan memastikan hidup mati muzik Malaysia.

Cetak Rompak Melalui Internet:

10.14 Kemudahan internet bukan seta kat mewujudkan peluang yang banyak dan pelbagai kepada industri muzik untuk berkembang tetapi juga mewujudkan cabaran dan masalah. Misalnya, perkhidmatan atas talian yang berkembang pesat dan memperkenalkan kegiatan menyalin muzik tanpa kebenaran serta tiada pembayaran kepada artis yang terlibat telah menjadi ancaman baru. Internet kini menjadi "pasar" menjual bahan-bahan tiruan, kompilasi muzik yang percuma dan menambah parahkan lagi industri muzik yang sah.

10.15 Cetak rompak melalui internet menjadi amat mudah dan boleh dilakukan oleh sesiapa sahaja. Pengguna cuma perlu menyalin fail yang mengandungi rakaman muzik yang terdapat di dalam halaman web melalui cara seperti "file transfer protocol" atau "Internet Relay Chart" (IRC). Kegiatan "hacking" dan "links" juga memudahkan aktiviti menyalin tanpa kebenaran. Keadaan ini ditambah pula dengan perkhidmatan yang wujud melalui "peer-to-peer" yang menggalak dan membantu keadaan ini berkembang. Semua kegiatan dilakukan tanpa kebenaran yang sah, atau pembayaran kepada artis atau syarikat rakaman terlibat.

10.16 Pada tahun 2001 sahaja, dianggarkan 99% muzik yang diperolehi melalui internet adalah secara tidak sah. Selain itu terdapat 3 juta pengguna dan 500 juta fail boleh diguna dan disalin secara percuma melalui "peer-to-peer service". Terdapat juga 200,000 laman web dan laman FTP yang menjadi "hos" atau mewujudkan jaringan rangkaian kepada 100 juta fail rakaman muzik yang tidak sah.

Pendidikan Seni Muzik Yang Kurang Mantap

11. Pendidikan seni muzik di Malaysia didapati kurang mantap. Senario ini dikenal pasti atas sebab-sebab seperti berikut :

Kurikulum Yang Tidak Menyeluruh:

11.1 Pendidikan seni muzik sudah wujud di peringkat sekolah rendah sejak tahun 1983. Bagaimanapun, pendidikan ini hanyalah berfungsi sebagai memberi pengetahuan asas seni ini kepada pelajar, dan untuk perkembangan diri pelajar selaras dengan hasrat Kerajaan untuk memberi sebanyak mana pendidikan asas kepada pelajar di peringkat sekolah rendah.

11.2 Pada tahun 1996 sejumlah 20 sekolah menengah dijadikan sekolah perintis untuk pendidikan seni muzik di peringkat menengah. Bagaimanapun, pendidikan ini hanya sebagai mata pelajaran wajib untuk pelajar Tingkatan Satu sehingga Tingkatan Tiga dan mata pelajaran elektif di Tingkatan Empat ke atas.

11.3 Kementerian Pelajaran sedang berusaha mengatasi masalah ini dengan mewujudkan sekolah seni di Johor dan Sarawak dalam Rancangan Malaysia Ke Sembilan sebagai sekolah seni perintis.

Kurang Bilangan Guru Yang Berpendidikan Dan Mahir Dalam Bidang Muzik:

11.4 Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi tidak mempunyai cukup bilangan guru muzik dan pensyarah muzik yang berpendidikan dan mahir dalam seni muzik. Kebanyakan sekolah mengatasi masalah ini dengan

menggunakan perkhidmatan guru secara gunasama dengan bidang yang lain asalkan guru tersebut mempunyai sedikit pengetahuan asas dalam bidang muzik. Ini mengakibatkan mata pelajaran muzik sering dipinggirkan apabila keadaan memerlukan penekanan kepada mata pelajaran lain, terutama apabila musim peperiksaan tiba. Institusi pengajian tinggi (IPT) pula mengatasi masalah ini dengan menggunakan perkhidmatan pensyarah muzik secara gunasama dengan IPT lain.

11.5 Kekurangan ini boleh dianggap sebagai penyebab utama kepada kurangnya minat pelajar untuk meneruskan pengajian dalam seni muzik sebagai pilihan utama di IPT. Keadaan ini seterusnya mengakibatkan kekurangan gunatenaga mahir dalam industri muzik tanahair.

Kecenderungan Kepada Pendidikan Muzik Barat:

11.6 Pengisian kurikulum pendidikan muzik di sekolah muzik swasta adalah lebih cenderung dan berorientasikan pendidikan muzik dari Barat dan kurang mengenengahkan muzik yang beridentitikan Malaysia. Daripada segi pembelajaran misalnya, pelajar lebih mengenali muzik Mozart atau Beethoven berbanding hasil karya seni Tan Sri P. Ramlee, Kassim Masdor, Ooi Ew Jin, Jimmy Boyle, atau Datuk Ibrahim Bachik. Penggunaan peralatan muzik juga lebih tertumpu kepada alat muzik moden seperti piano, violin dan trumpet. Peralatan muzik tradisional seperti gong, gendang Melayu/India, serunai dan sebagainya tidak diterapkan kerana tidak dianggap universal.

Pendidikan Muzik Di IPT Kurang Terancang Dan Terarah:

11.7 Dewasa ini Malaysia mempunyai tujuh IPTA yang mengendalikan pendidikan seni muzik iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Putra Malaysia (UPM), dan Akademi Seni Budaya dan Warisan Negara (ASWARA). Pada waktu yang sama tujuh IPTS menawarkan pengajian yang sama iaitu International College of Music (ICOM), Sedaya College, HELP Institute, Malaysia Institute of Arts (MAA), Sunway University College, Ocean Institute of Audio Engineering and School of Audio Engineering (SEA).

11.8 Bagaimanapun, hampir keseluruhan IPT ini menawarkan kursus yang lebih kurang sama sifatnya tanpa pengkhususan. Kecuali UNIMAS yang beralih kepada pembelajaran adunan muzik dengan teknologi maklumat (dikenali sebagai mata pelajaran computer music), yang selebihnya masih dengan kurikulum konvensional yakni penekanan kepada seni itu sendiri.

Muzik Sebagai Hiburan Semata:

11.9 Muzik hanya dilihat sebagai hiburan semata-mata dan tidak lebih daripada itu. Apatah lagi bidang muzik itu sendiri dianggap negatif oleh sesetengah ahli masyarakat. Cerita-cerita sensasi berkaitan akhlak sebahagian kecil artis memburukkan lagi keadaan. Oleh itu, generasi muda tidak berminat menceburi bidang ini secara serius menyebabkan negara ketandusan tenaga pelapis dalam industri ini pada masa depan.

Ketiadaan Bank Data:

11.10 Negara tidak mempunyai sistem penyimpanan rekod yang komprehensif berkenaan mereka yang terlibat dalam bidang ini termasuklah syarikat rakaman, artis dan media sebagai bahan rujukan dan maklumat masyarakat. Ini

mengakibatkan bahan berkaitan industri muzik yang ada tidak dapat dikumpul dan diuruskan dengan baik.



BAB 4: STRATEGI PEMBANGUNAN INDUSTRI MUZIK MALAYSIA

Berdasarkan senario sedia ada, langkah-langkah berikut dicadangkan untuk membangunkan industri muzik tanahair agar lebih positif dan cenderung kepada perkembangan yang lebih sihat lagi.

I. PENDIDIKAN SENI MUZIK

2. Bidang seni tidak sama dengan bidang profesion yang lain. Bakat menjadi elemen yang sangat penting untuk membolehkan seseorang itu menjadi seorang pemuzik ataupun penyanyi. Bakat yang sedia ada perlu digilap dengan bentuk latihan demi latihan sehingga bakat itu menjadi satu bentuk kemahiran.

3. Pada amnya kemahiran bermain peralatan muzik atau menggunakan suara dalam nyanyian adalah amalan dan latih tubi yang dilakukan secara amali. Atas kefahaman inilah kebanyakan pemuzik atau penyanyi Malaysia tidak menitik beratkan pendidikan seni secara teori yang boleh membantu mereka menjurus ke arah profesionalisme dalam bidang ini.

Memantapkan Pendidikan Seni Muzik Di Sekolah

4. Pendidikan seni muzik memainkan peranan penting bagi melahirkan kumpulan pelapis dan penggerak muzik yang mahir serta kreatif disamping mempunyai nilai pasaran yang tinggi. Tujuan utama pendidikan seni muzik adalah untuk mencipta kesedaran dan pemahaman tentang seni muzik sebagai kerjaya dan menjana ekonomi. Dalam perkara ini juga institusi pendidikan seni muzik sedia ada harus lebih berperanan membantu menjana pertumbuhan ekonomi dalam aspek membekalkan tenaga kerja seni muzik yang kreatif serta serba boleh.

5. Justeru, pendidikan seni di peringkat rendah hingga ke peringkat tinggi adalah asas yang sangat penting bagi meningkatkan kefahaman, kemahiran, keilmuan dan kebijaksanaan berfikir secara kreatif yang menjadi elemen penting dalam membangunkan seni muzik sebagai sebuah industri yang berdaya saing dalam jangka panjang.

Pendidikan Muzik Sebagai Mata Pelajaran Wajib:

5.1 Pendidikan muzik sebagai mata pelajaran wajib perlu diperluaskan ke peringkat sekolah menengah atas di semua sekolah menengah, dan tidak setakat mata pelajaran elektif serta secara projek perintis sahaja untuk 20 sekolah menengah seperti yang dipraktikkan sejak tahun 1996.

Kajian Semula Kurikulum Pendidikan Muzik:

5.2 Kurikulum pendidikan muzik di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah perlu dikaji semula agar wujud kesinambungan dari peringkat rendah ke peringkat menengah rendah dan seterusnya ke peringkat menengah tinggi. Jika di peringkat sekolah rendah tumpuan adalah kepada pengetahuan asas muzik, adalah

dicadangkan pendidikan di peringkat menengah rendah menjurus kepada pengkhususan sebagai persiapan melangkah ke peringkat lebih tinggi dan seterusnya menghadapi peperiksaan asas di peringkat sekolah menengah. Kajian semula kurikulum ini juga adalah untuk memberi laluan kepada perancangan kurikulum khusus seni muzik di peringkat universiti agar institusi pengajian tinggi (IPT) dapat melahirkan graduan yang memenuhi ke hendak pasaran semasa.

Pewujudan Sekolah Seni:

5.3 Cadangan Kementerian Pelajaran untuk mewujudkan sekolah seni di Johor dan Sarawak dalam Rancangan Malaysia Ke Sembilan sebagai sekolah perintis adalah satu hasrat yang murni, dan perlu dipercepatkan pewujudannya. Dalam konteks ini adalah diharapkan sekolah seni dapat diwujudkan di semua negeri untuk memberi lebih banyak ruang dan peluang kepada pelajar yang cemerlang dalam bakat dan seni untuk mendapat pendidikan formal dalam bidang ini, sepertimana pewujudan sekolah vokasional bagi mereka yang cenderung kepada bidang vokasional.

Mengatasi Masalah Kekurangan Guru Muzik:

5.4 Tidak dinafikan masalah pelaksanaan pendidikan seni muzik secara menyeluruh di semua peringkat pendidikan dipengaruhi oleh kekurangan guru muzik yang khusus dan mahir. Kekurangan ini perlu diatasi dengan segera dengan memberi insentif seperti biasiswa atau pinjaman kepada pelajar muzik dan guru muzik sedia ada serta belum terlatih untuk melanjutkan pelajaran seni muzik di dalam dan luar negara.

Mengatasi Masalah Kekurangan Peralatan Muzik:

5.5 Pembelajaran seni muzik perlu seiring antara pendekatan secara teori dan secara amali. Bagaimanapun, pendekatan secara amali sering dibebani oleh kekurangan peralatan muzik. Dalam hal ini Kerajaan perlu menyediakan peruntukan setiap tahun kepada Kementerian Pelajaran khusus untuk pembelian peralatan ini. Disamping itu, pihak sekolah juga wajar mengambil inisiatif sendiri untuk mendapatkan sumber kewangan bagi menampung peruntukan Kerajaan. Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) memainkan peranan penting membantu Kerajaan dengan melaksana projek yang boleh menjana tabung sekolah ke arah pencapaian hasrat murni ini.

Memantapkan Pendidikan Seni Muzik di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS)

6. Sungguhpun terdapat 14 IPT yang pada dasarnya menawarkan subjek dalam seni muzik, namun pengendaliannya adalah secara tersendiri yakni mengikut citarasa masing-masing. Justeru, secara amnya pendidikan seni muzik di peringkat ini boleh dikatakan kurang terarah. Oleh itu, adalah dicadangkan pendekatan berikut untuk memastikan pendidikan seni muzik lebih terancang dan terarah serta dapat memenuhi aspirasi negara ke arah pengeluaran graduan seni muzik yang diingini.

Ke Arah pewujudan Pendidikan Seni Muzik Bersepadu:

6.1 Pendidikan seni muzik di peringkat IPT dicadang disepadukan sebagai satu langkah mengatasi kekurangan pensyarah, dengan cadangan pendekatan melalui pengkhususan bagi setiap IPT. Langkah ini dapat memaksimumkan gunatenaga pensyarah dan juga membantu meningkatkan tahap pengkhususan dan profesionalisme mereka dalam jangka panjang kerana mereka tidak perlu berpindah

randah dari satu IPT ke satu IPT yang lain hanya untuk mengendali subjek muzik yang sama. Siswa juga dapat mengenalpasti IPT yang sesuai dengan kecenderungan dan minat mereka dalam bidang muzik.

Ke Arah Pewujudan Skim Pemindahan Kredit Pengajian Siswa Antara IPT:

6.2 Adalah dicadangkan pendidikan seni muzik yang bersepadu dan seiring dengan pengkhususan di kalangan IPT dimanfaatkan lagi dengan pewujudan skim pemindahan kredit pengajian siswa antara IPT berkenaan. Pelaksanaan skim ini boleh membantu siswa memaksimumkan nilai sebenar yang diperolehi daripada kos pembelajaran termasuk tempoh pembelajaran. Pelaksanaan skim ini juga difikirkan adalah bertepatan dengan situasi semasa yakni wujudnya kekurangan pensyarah dalam bidang muzik.

Ke Arah Pemantapan Kurikulum Pendidikan Muzik:

6.3 Dalam era globalisasi dan e-knowledge ini kurikulum seni muzik di IPT juga perlu meniti arus yang sama. Pendidikan seni muzik masa kini harus disesuaikan dengan kemajuan sains dan teknologi dan keperluan pasaran semasa. Selain daripada pembelajaran muzik secara konvensional dengan penekanan kepada seni muzik perseorangan, siswa juga harus didedahkan kepada aspek perniagaan muzik seperti pemasaran, pengeluaran dan pengilangan, disamping peraturan dan perundangan Kerajaan yang meliputi industri ini. Cadangan ini diharap sekurang-kurangnya dapat memberi persediaan secukupnya kepada siswa untuk menghadapi dunia industri muzik sebenar apabila mereka melangkah keluar dari menara ilmu kelak.

Ke Arah Penambahan Bilangan Siswa Muzik Di IPT:

6.4 Kewujudan 14 IPT yang menawarkan kursus dalam bidang muzik didapati tidak mencerminkan jumlah bilangan siswa yang memberansangkan dalam bidang ini jika dibandingkan dengan bidang lain. Kehadiran hanya antara 30 sehingga 50 siswa muzik di IPT bagi sepanjang tempoh manamana tahun pengajian adalah satu statistik yang menggambarkan ketenatan sumber gunatenaga bidang ini di masa depan.

6.5 Salah satu langkah untuk menambah bilangan siswa muzik di IPT ialah dengan memberi kelonggaran syarat kemasukan kepada yang berbakat dan berminat. Pertimbangan wajar diberikan kepada mereka yang mempunyai sekurang-kurangnya lima tahun pengalaman dalam bidang muzik sama ada sebagai pemuzik profesional misalnya, bagi membolehkan mereka mendaftar sebagai siswa sepenuh masa. Berkemungkinan siswa sebegini perlu menghadiri kursus persediaan terlebih dahulu di IPT yang sama, seperti kursus persediaan Bahasa Inggeris untuk siswa antarabangsa yang dipraktikkan oleh IPT luar negara bagi memantapkan pengetahuan bahasa ini di kalangan siswa antarabangsa mereka. Pendekatan yang sama boleh dilakukan di IPT tempatan bagi menyediakan siswa yang berpengalaman kerja ini untuk menghadapi semula suasana pembelajaran yang telah lama mereka tinggalkan.

Ke Arah Kemudahan Pinjaman Untuk Pembiayaan Pendidikan Tinggi Dalam Seni Muzik:

6.6 Bagi membantu pelajar lepasan menengah atas menyambung pendidikan ke menara gading, Kerajaan telah mewujudkan Tabung Pinjaman Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN) bagi meringankan kos pembelajaran siswa. Tabung pinjaman ini

wajar diperluaskan liputan skopnya agar merangkumi juga pendidikan seni muzik di peringkat IPT.

Ke Arah Menaik Taraf Pendidikan Seni Muzik Kendalian Akademi Seni Budaya Dan Warisan Negara (ASWARA):

6.7 Akademi Seni Budaya dan Warisan Negara (ASWARA) yang dahulunya dikenali sebagai Akademi Seni Kebangsaan Malaysia (ASK) di bawah kendalian KeKKWa adalah satu-satunya institusi induk pengajian dan latihan seni budaya warisan negara. Justeru, adalah penting institusi ini bertali arus dengan KeKKWa sebagai penentu dasar dan bimbingan Kerajaan, serta juga berprestasi seni untuk negara. Dengan teras dan tanggungjawab yang lebih mencabar ini maka pendidikan seni muzik di ASWARA dinaikkan taraf dari peringkat diploma seperti sedia ada kepada peringkat ijazah. Tempoh pembelajaran juga dilanjutkan ke empat tahun daripada tiga tahun seperti masa kini bagi menyediakan para siswa dengan lebih banyak ilmu pengetahuan.

Mewujudkan Pendidikan Seni Muzik Secara Sambilan Untuk Penggiat Seni

7. Pelaksanaan pendidikan seni muzik secara sambilan untuk penggiat seni adalah dicadangkan melalui penganjuran bengkel jangka pendek atau pada hujung minggu, ceramah oleh pakar dalam bidang muzik, lawatan sambil belajar ke pusat-pusat pendidikan muzik samada di dalam atau luar negara, dan sebagainya secara berterusan. Langkah ini yang sewajarnya diterajui oleh KeKKWa akan juga dapat menyokong dan mengukuhkan lagi sistem pendidikan formal sedia ada.

8. Ketika ini Persatuan Akademi Muzik (AKADEMI) menawarkan perkhidmatan pendidikan muzik jangka pendek dengan kerjasama ICOM dan UMS atas permintaan IPT-IPT berkenaan. Disamping itu, Orkestra Philharmonik Petronas (MPO) juga menganjurkan pendidikan ini melalui Program Pendidikan dan Luaran sejak tahun 1999 dengan mengadakan ceramah berkala kepada pelajar di seluruh negara, bertujuan mewujudkan kesedaran tentang seni muzik kepada mereka.

9. Dengan lain perkataan, kerjasama berterusan antara agensi-agensi kerajaan, badan korporat, badan-badan bukan kerajaan dan swasta serta penggiat dan pengamal muzik memainkan peranan penting dalam membentuk dan membangunkan industri muzik tanahair.

Mewujudkan Skim Latihan Untuk Kemajuan dan Mempelbagaikan Kemahiran Artis

10. Serba boleh merupakan aset penting dalam meningkatkan jangka hayat kerjaya artis yang puratanya di antara lima sehingga 10 tahun di pasaran. Secara amnya artis di dalam industri muzik negara ini kurang atau tidak serba boleh. Mereka harus mempunyai kemampuan ini dalam persembahan pentas misalnya, disamping mempunyai kemahiran dalam pengkaryaan, seperti Allahyarham Tan Sri P. Ramlee yang bukan sahaja mahir dalam bidang nyanyian tetapi mahir juga dalam bidang lain seperti bermain alat muzik, mencipta lagu, membuat susunan muzik dan berlakon.

11. Penggiat muzik tanahair harus juga berkepelbagaian kemahiran termasuk kemahiran keusahawanan dan ilmu pengetahuan bagi memanjangkan hayat kerjaya masing-masing dan menyumbang secara berterusan kepada industri muzik tanahair. Ini juga bertujuan agar ilmu dan kemahiran yang diperolehi mereka masih boleh dipindah kepada pelapis dan juga tidak terbazir.

12. KeKKWa telah mewujudkan Skim Latihan Penggiat Seni untuk membiaya perbelanjaan pencipta, penulis lirik, penggubah lagu, artis dan mereka yang terlibat secara langsung dalam penghasilan muzik Malaysia untuk menghadiri bengkel, latihan kemahiran, maupun kursus di IPT tempatan yang dikendali oleh Kerajaan atau di peringkat antarabangsa bagi mengembangkan lagi bakat dan kerjaya mereka.

13. Selain itu, sejak tahun 2003 MPO telah mencungkil bakat seramai 30 orang pemuzik muda melalui skim latihan khusus, dengan enam orang daripadanya dibimbing oleh pakar muzik secara lebih mendalam untuk diangkat sebagai pelapis. Pada akhirnya seorang daripada jumlah ini diketengahkan di peringkat antarabangsa dengan menyertai pertandingan di peringkat berkenaan. Usaha ini diteruskan oleh MPO sekali bagi setiap dua tahun.

14. Dalam pada itu, syarikat rakaman antarabangsa dan syarikat rakaman bebas perlu sama-sama berganding bahu dengan KeKKWa dalam meningkatkan lagi tahap profesionalisme artis dan penggiat muzik tempatan melalui klinik muzik dan program pembangunan muzik dan kerjaya.

Meningkatkan Sahsiah Seni Artis

15. Pandangan negatif masyarakat mengenai industri hiburan serta laporan mengenai diri artis yang disensasikan oleh media boleh dielakkan seandainya para artis sendiri mempunyai sahsiah diri yang tinggi dan bersedia menghadapi pelbagai cabaran dalam industri ini. Justeru, langkah KeKKWa menganjurkan Bengkel Sahsiah Seni khusus untuk para artis sejak tahun 2004, yang diisi dengan keilmuan daripada aspek etika dan berwatakan diri memberi mereka peluang untuk membuat persiapan emosi bagi mempertingkatkan keyakinan menghadapi cabaran-cabaran mental akibat daripada tanggapan negatif dan pendedahan media ini. Oleh hal yang demikian maka bengkel ini perlu diteruskan oleh KeKKWa.

Menganjurkan Pameran Untuk Hebahan Kerjaya

16. Promosi dan pemasaran mengenai peluang kerjaya dalam industri muzik perlu diperluaskan. Masyarakat perlu disedarkan bahawa kerjaya sebagai pencipta, pemuzik, penulis lirik, penyanyi, jurutera audio dan sebagainya, serta kerjaya dalam syarikat rakaman juga adalah pekerjaan yang boleh menjamin masa depan. Kerajaan, melalui KeKKWa, Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi perlu bertindak mempromosi muzik sebagai satu kerjaya kepada masyarakat dan membetulkan salah tanggapan ini.

II. MENINGKATKAN PELUANG ARTIS UNTUK DILIHAT DAN DIPERDENGARKAN

17. Jangka hayat kerjaya seseorang artis dalam seni muzik boleh dipanjangkan antaranya melalui pendedahan berterusan artis berkenaan di mata masyarakat. Untuk maksud ini langkah-langkah berikut adalah dicadangkan:

Memberi Ruang Dan Peluang Untuk Artis Berkarya

18. Bagi meningkatkan peluang artis untuk terus dilihat dan diperdengarkan, maka adalah wajar mereka diberi ruang dan peluang untuk berkarya seperti cadangan berikut:

Menyediakan Venue Persembahan:

18.1 Venue persembahan wajar disediakan kepada penggiat muzik secara percuma atau melalui pembiayaan, untuk mereka berkumpul dan mempersembahkan karya mereka terutama bagi muzik genre tradisional Malaysia. Ketika ini KeKKWa menyediakan ruang ini melalui penggunaan Lanai Warisan Seni di Kuala Lumpur dan Taman Budaya di negeri-negeri.

Menyediakan Peluang Penyertaan Kepada Penggiat Muzik:

18.2 Penggiat muzik wajar diberi peluang mengambil bahagian dalam acara-acara yang dianjurkan oleh Kerajaan seperti festival-festival kesenian di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, Majlis Rumah Terbuka, Pentas Rakyat Malaysia (Pentarama) dan sebagainya yang dianjurkan KeKKWa dan agensi-agensi Kerajaan yang lain.

Menganjurkan Sirkuit Persembahan Secara Langsung

19. Persembahan secara langsung oleh artis merupakan antara cara untuk artis merapatkan diri dengan para peminat disamping menggilap bakat mereka dan mewujudkan peluang pekerjaan kepada pemuzik, petugas pentas dan juruteknik-juruteknik tatacahaya serta audio dan sebagainya. Dalam hal ini penganjur hendaklah diberi peluang mengadakan persembahan jalanan, yakni sirkuit-sirkuit persembahan secara langsung oleh artis-artis tempatan secara berterusan sepanjang tahun, di kawasan bandar dan luar bandar, contohnya di sekolah, universiti, kawasan perindustrian, FELDA, Istana Budaya dan venue-venue lain.

20. Bagi merealisasikan hasrat ini KeKKWa dan Kementerian Penerangan (KemPen) serta persatuan muzik perlu berkerjasama menganjurkan persembahan di merata kawasan. Usaha-usaha KeKKWa melalui Program Merakytakan Seni dan Program Menyemarakkan Seni, serta Program Pentas Rakyat Malaysia (Pentarama) oleh Kempen merupakan langkah-langkah positif ke arah ini. Sungguhpun perbelanjaan penganjuran perlu ditanggung namun perbelanjaan ini boleh ditampung melalui hasil penjualan tiket pada harga yang berpatutan agar nilai sebenar persembahan dapat dinikmati melalui penganjuran konsert atau persembahan yang berbayar.

Memberi lebih Peluang dan Penyertaan Dalam Rancangan Radio dan TV

21. Tidak dinafikan lagu-lagu artis luar negara sering mendapat tempat di stesen radio khususnya stesen radio swasta, berbanding lagu-lagu artis tempatan terutama bagi lagu-lagu bukan dalam bahasa Melayu. Lagu-lagu artis lama yang sudah menempah nama juga sering menjadi pilihan jika dibandingkan dengan lagu-lagu artis baru kecuali jika sesuatu lagu artis baru menduduki carta muzik radio bagi sesuatu stesen.

22. Bagi tujuan mengurangkan jurang dan peluang -ini stesen radio swasta dicadangkan agar meningkatkan putaran lagu-lagu artis tempatan dengan mewujudkan lebih banyak lagi rancangan yang membolehkan lebih banyak peluang penyiaran lagu artis-artis negara ini. Disampingitu, pewujudan saluran khas seperti Klasik FM oleh Radio Malaysia yang 100% menyiarkan lagu-lagu irama Melayu, dan Sinar FM oleh Radio Era yang memberi lebih kurang 90% penekanan kepada lagu-lagu Melayu adalah usaha yang patut dicontohi oleh stesen radio swasta yang lain.

23. Stesen-stesen TV swasta pula hendaklah menerbitkan lebih banyak rancangan yang melibatkan penyertaan lebih ramai artis tempatan lama dan baru. Memandangkan penonton siaran TV melibatkan penggabungan kedua-dua deria dengar dan deria lihat,

maka penglibatan artis dalam rancangan TV, terutama persembahan secara langsung, akan memberi peluang kepada artis untuk memperbaiki profesionalisme masing-masing dalam seni persembahan.

Menganjurkan Konsert/Persembahan Muzik di IPTA

24. Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) adalah salah satu prasarana utama bagi pendidikan muzik di peringkat tinggi. Bagaimanapun, adalah satu kepelikan bagi IPTA yang menawarkan kursus seni muzik tetapi, pada waktu yang sama, tidak membenarkan penganjuran konsert maupun persembahan muzik di IPTA berkenaan. Langkah ini merugikan siswa muzik itu sendiri kerana mereka tidak berpeluang mengenengahkan bakat mereka, disamping tidak dapat pendedahan dan menimba ilmu pengetahuan daripada persembahan oleh artis luar yang berpengalaman. Dengan kelulusan penganjuran konsert atau persembahan muzik di kampus akan menjimatkan perbelanjaan siswa muzik daripada ke luar kampus dan, pada waktu yang sama, apresiasi muzik dapat diterapkan ke dalam jiwa warga kampus yang lain agar dapat lebih menghayati seni ini.

Meningkatkan Penyiaran lagu Melalui Saluran Pipe-In

25. Peluang bagi artis untuk diperdengarkan juga boleh ditingkatkan secara penyiaran lagu-lagu mereka melalui saluran pipe-in di hotel-hotel, di tempat awam seperti pusat hiburan, restoran dan pusat membeli-belah, serta di dalam pengangkutan awam seperti bas pesiaran, kapal terbang, keretapi, dan sebagainya.

26. Usaha ini perlu diterajui oleh agensi Kerajaan berkaitan dengan kerjasama Persatuan Hotel, Persatuan Peniaga, Persatuan Pengusaha pelancongan, atau Persatuan Pengangkutan. Langkah Kementerian Pelancongan menetapkan penyiaran lagu-lagu Malaysia di pusat penginapan sebagai salah satu kriteria penetapan pemberian taraf bintang kepada pusat penginapan adalah langkah yang wajar diikuti oleh Kementerian Pengangkutan untuk pengangkutan awam, dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk pusat membeli-belah.

III. MENGHASIHKAN JENAMA MUZIK MALAYSIA

27. Kejayaan sesebuah karya muzik bergantung kepada larisnya penjualan album yang akan ditentukan oleh para pembeli mengikut citarasa masing-masing. Pada masa kini pencipta muzik tanahair seolah-olah tiada pilihan lain untuk menghasilkan karya masing-masing selain mengikut aliran muzik semasa, yakni rentak muzik barat menjadi pilihan utama berbanding muzik tempatan. Ini menyekat daya kreatif pencipta lagu tanahair disamping tidak yakin menggunakan genre tradisional Malaysia dalam karya mereka secara lebih berani lagi.

28. Pencipta lagu tanahair tidak mampu bersaing dengan muzik Barat jika sentiasa mengikut rentak jenama Barat - pop, rap, hip hop, country, rock, jazz, blues, fusion dan sebagainya. Persaingan ini menyebabkan industri muzik tanahair sukar berkembang setanding dengan muzik Barat yang penciptanya sentiasa dinamik dalam penciptaan mereka.

29. Khazanah rentak muzik tradisional Malaysia seperti ghazal, zapin, joget, inang, asli, etnik Sarawak dan Sabah dan sebagainya, mampu dijadikan jenama muzik Malaysia jika pandai disesuaikan dengan rentak kontemporari antarabangsa. Niche ini kurang diterokai oleh pencipta lagu tanahair mungkin kerana tidak mahu menanggung risiko dan dikhuatiri tidak mendapat sambutan. Namun demikian, Malaysia harus mempunyai identiti muziknya

tersendiri dan perlu diusahakan secara eksperimental pada peringkat awal, dan selanjutnya dijadikan satu identiti kepada negara ini.

30. Pendekatan ini juga secara tidak langsung akan sekali gus memberi satu nafas dan pemangkin baru kepada industri muzik Malaysia dalam memberi kesan positif kepada perkara-perkara berikut:

- i) Meningkatkan keyakinan pelaburan oleh syarikat rakaman untuk menerbit album baru;
- ii) Menambah peluang pekerjaan dan penyertaan penggiat muzik tanahair; dan
- iii) Menambah kepelbagaian kepada muzik tempatan.

31. Pembangunan niche market yang berpotensi tinggi ini adalah sama prospeknya jika dilihat senario muzik dunia genre "world music" yang telah lama diterima oleh masyarakat dunia. Bagi merealisasikan usaha ini adalah dicadangkan supaya langkah-langkah berikut diwujudkan:

Menggalak Pencipta lagu Tanahair Menerokai Peluang-Peluang Dalam Penciptaan

32. Kumpulan tempatan seperti Too Phat (lagu: Anak Ayam rentak rap) dan Mohram, serta pencipta lagu seperti M. Nasir dan Pak Ngah misalnya, mampu menggunakan rentak genre tradisional tempatan di dalam karya masing-masing. Hasil karya mereka mendapat sambutan yang baik di kalangan rakyat tempatan dan luar negara (terutama Indonesia dan Brunei). Dalam perkara ini Malaysia perlu mengambil peluang dan kesempatan ini dan menerokai niche ini dengan lebih agresif lagi. Usaha ini juga secara langsung akan mengubah senario penggubahan lagu kerana pendekatan ini juga membolehkan penggunaan bunyian peralatan muzik tradisional di dalam karya masing-masing.

33. Bagi menjayakan hasrat untuk mengajak pencipta muzik tanahair menghasilkan lagu jenama Malaysia, pencipta muzik pelbagai aliran (moden, etnik dan tradisional) perlu diajak menyertai "Bengkel Eksperimental" samada anjuran KeKKWa atau industri sendiri. Melalui bengkel ini para pencipta lagu didedahkan kepada beberapa genre muzik termasuk peralatan yang digunakan. Matlamat bengkel ini adalah penghasilan genre muzik Malaysia melalui penciptaan-penciptaan lagu yang berunsurkan imej Malaysia baik daripada segi rentak, irama, maupun penggunaan alat muziknya.

34. Sungguhpun bengkel ini merupakan satu landasan untuk menghasilkan lagu jenama Malaysia secara percubaan, seperti yang telah dilaksanakan oleh MACP (Music Authors' Copyright Protection) melalui penganjuran sebanyak dua kali bengkel NadiCipta setakat ini, namun ia merupakan satu pendekatan yang sekurang-kurangnya dapat memberi laluan kepada lebih banyak penciptaan lagu-lagu berjenama Malaysia.

35. Pencipta lagu juga harus serba boleh dan tidak menghasilkan lagu yang sejenis sahaja. Karya hendaklah juga lebih kreatif. Mereka juga harus berkebolehan dalam aspek gubahan, misalnya gubahan untuk teater muzikal atau muzik latar filem (yakni muzik runut bunyi) yang negara masih kekurangan penggubahan dalam bidang-bidang ini.

Mengadakan Ruang / Landasan Untuk Persembahan Hasil Karya Eksperimental Pencipta Lagu

36. Setelah "Bengkel Eksperimental" diusahakan maka ruang atau landasan bagi mengenengahkan bakat-bakat pencipta lagu/pemuzik perlu diwujudkan. Ini bertujuan untuk memperkenalkan dan mendedahkan rakyat tempatan kepada lagu-lagu jenama Malaysia.

37. Pendedahan muzik "baru" ini dicadangkan diadakan di sekitar Lembah Klang dahulu bagi mengukur kejayaan dan penerimaan rakyat terhadapnya sebelum dianjurkan di kawasan/negeri lain. Melalui landasan ini juga pencari bakat dari syarikat rakaman berpeluang mengenalpasti artis baru dan menerbitkan album baru.

38. Dalam hal ini KeKKWa harus memainkan peranan penting menyediakan ruang yang dimaksudkan. Premis-premis kepunyaan Kerajaan seperti Taman Budaya, Lanai Seni, Panggung Anniversari serta tempat-tempat terbuka atau amfiteatre sewajarnya digemblengkan penggunaannya. Begitu juga stesen radio dan TV terutama kepunyaan Kerajaan hendaklah menyediakan slot rancangan sebagai landasan kepada pendedahan hasil penciptaan eksperimental ini.

Mengadakan Pertandingan lagu "Baru" Jenama Malaysia

39. Bagi menyemarakkan usaha ke arah pewujudan dan mempopularkan muzik jenama Malaysia, perlu diadakan pertandingan mencipta lagu jenama Malaysia secara berterusan agar momentum dapat dicipta untuk mengatasi suatu aras ambang (threshold level) yang dapat menarik ramai lagi pencipta lagu menerokai niche ini disamping melahirkan bakat-bakat baru.

40. Pertandingan yang berorientasikan penghasilan dan persembahan lagu jenama Malaysia perlu diadakan dengan melibatkan pihak-pihak dan kaedah/kaedah seperti berikut :

- i) Institusi pendidikan muzik swasta dan kerajaan seperti Yamaha Music School, ICOM, UiTM, UPSI serta sekolah-sekolah peringkat rendah dan menengah.
- ii) Persatuan, Badan Bukan Kerajaan (NGO), individu dan badan pergerakan penggiat muzik pelbagai kaum dan etnik bernaung.
- iii) Mengadakan perkongsian bijak dengan badan-badan korporat gergasi seperti Celcom, Petronas, Berjaya Corporation, Tenaga Nasional Berhad, YTL Corporation, MAS dan sebagainya, serta syarikat-syarikat rakaman yang terlibat secara langsung dengan industri muzik, serta stesen-stesen TV dan radio untuk menaja pertandingan dan penerbitan album.

Membangunkan Pengisian Muzik Jenama Malaysia

41. Dewasa ini pengisian muzik di Malaysia kebanyakannya tertumpu kepada lagu-lagu konvensional, yakni untuk hiburan semata-mata dan amat kurang sekali untuk sesuatu tujuan. Jikapun ada hanya sebilangan sahaja yang menjerus kepada genre nasyid, kanak-kanak dan patriotik, dan terlalu kecil bilangannya bagi pengisian untuk teater muzikal. Sepanjang yang diketahui hanya teater muzikal yang dipentaskan di Istana Budaya sahaja yang menjerus ke arah ini, yakni *teater Keris Sang Puteri*, *Siti Di Alam Fantasi*, *Rubiah dan Hang Li Po*.

42. Pengisian muzik juga perlu diperluaskan kepada genre runut bunyi filem cereka dan filem untuk tayangan di TV. Para pencipta dan penggubah muzik serta penulis lirik perlu

memikirkan peluang ini sebagai salah satu saluran bukan sahaja untuk meningkatkan pulangan hasil tetapi juga untuk memperbanyakkan khazanah muzik dan mempelbagaikan genre muzik itu sendiri. Dalam hal ini KeKKWa dan NGO perlu mewujudkan lebih banyak peluang ke arah mempelbagaikan pengisian muzik jenama Malaysia melalui memperbanyakkan pementasan teater muzikal misalnya, sementara pihak industri sendiri perlu merancang pengisiannya melalui latihan dan bimbingan kepada penggiat muzik.

IV. PEMELIHARAAN MUZIK TRADISI

43. Kepelbagaian suku kaum dan budaya di Malaysia diwarnai oleh pelbagai rentak dan irama muzik tradisi suku-suku kaum tersebut yang mempunyai keunikannya tersendiri serta menjadi warisan mereka dan negara. Justeru sudah sewajarnya muzik genre ini dipupuk, diketengah serta dimajukan kerana muzik tradisi juga mampu memberi sumbangan yang bermakna kepada negara, sebagai perlambangan identiti bangsa dan cerminan ketamadunan, di samping aset penting bagi industri pelancongan. Muzik tradisi juga perlu dipelihara agar warisan negara tidak hilang ditelan zaman.

44. Sebagai agensi kerajaan yang bertanggungjawab tentang hal ehwal kebudayaan, adalah menjadi tugas KeKKWa untuk memelihara muzik tradisi. Tugas ini boleh dilaksanakan melalui aktiviti-aktiviti penyelidikan, pendidikan, penggalakan dan penyemarakan.

Aktiviti Penyelidikan

45. Sungguhpun telah ada beberapa penyelidikan mengenai muzik tradisi, kerja-kerja yang dilaksana lebih tertumpu kepada sejarahnya, pengenalan kepada alat muzik dan perkembangannya, tetapi kurang daripada aspek penyelidikan dan penulisan notasi muzik dan menterjemahkannya dalam bentuk skor, lebih-lebih lagi bagi muzik suku-suku kaum Orang Asli semenanjung dan di Sabah dan Sarawak. Ini mengakibatkan penggiat muzik bagi kategori ini mendalami pendidikan muzik tradisi melalui kaedah mendengar dan menghafal sahaja. Kaedah ini menyebabkan penggiat boleh mudah lupa apa yang telah dihafal jika tidak bergiat untuk satu tempoh yang panjang. Tugas penyelidikan ini boleh dilaksanakan dengan kerjasama institusi pengajian tinggi, atau dengan pakar muzik dari luar negara.

Aktiviti Pendidikan

46. Setakat ini pemeliharaan muzik tradisi melalui kaedah pendidikan diterajui oleh ASWARA di bawah KeKKWa. Usaha ini wajar diteruskan, malah perlu dikembangkan agar pembelajarannya meliputi lebih banyak lagi muzik tradisi yang terdapat di negara ini.

47. Selain daripada ASWARA, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), sebagai agensi pelaksana aktiviti kebudayaan dan kesenian KeKKWa, juga mengendalikan beberapa siri bengkel jangka pendek merangkumi pendidikan bermain alat muzik secara amali, serta pembuatan alat muzik melalui projek industri budaya. Usaha-usaha ini juga wajar diteruskan, terutama bagi bengkel pembuatan alat muzik yang perlu diperluaskan skop jenis alat muzik yang dibengkelkan, dan tidak hanya tertumpu kepada pembuatan gendang sahaja seperti dewasa ini.

Aktiviti Penggalakan

48. Bagi menggalakkan kecenderungan dalam muzik tradisi di kalangan rakyat Malaysia terutama generasi muda, beberapa siri pertandingan muzik tradisi harus dilaksanakan, sama ada yang berbentuk muzik secara keseluruhan atau mengiringi artis dalam pertandingan nyanyian. Sebagai contoh, pertandingan muzik tradisi iaitu muzik silat, muzik

sape dan muzik gong yang masing-masing anjuran negeri-negeri Kedah, Sarawak dan Sabah suatu ketika dulu wajar dihidupkan semula. Begitu juga Pertandingan Bintang Asli Remaja anjuran KeKKWa hendaklah diteruskan kerana pertandingan nyanyian seperti ini memerlukan muzik tradisi sebagai pengiring artis. Secara tidak langsung pertandingan ini dapat menghidupkan semula persembahan muzik tradisi di samping membuka ruang dan peluang yang lebih banyak ke arah penciptaan lagu-lagu berlandaskan muzik tradisi.

Aktiviti Penyemarakan

49. Kegiatan muzik tradisi boleh terbantut seandainya tiada usaha jitu ke arah menyemarakkannya ke seluruh pelosok negara. Setakat ini muzik tradisi hanya popular di luar-luar bandar dan amat jarang sekali diketengahkan di bandar-bandar. Persembahan di bandar seringkali hanya tertumpu kepada majlis-majlis rasmi kerajaan melibatkan pembesar-pembesar negara sahaja, dan amat kurang dipersembahkan secara konsert. Justeru sebagai agensi kerajaan, Istana Budaya perlu memberi lebih banyak peluang kepada persembahan muzik tradisi dengan penganjurannya secara eksklusif, selaras dengan pentas Istana Budaya yang bertaraf dunia. Di samping itu adalah wajar persembahan dilangsungkan secara keliling di bandar-bandar utama negara untuk memberi peluang kepada masyarakat menikmati muzik tradisi dalam bentuk penganjuran yang eksklusif.

50. Usaha-usaha ke arah pemeliharaan muzik tradisi secara penyelidikan, pendidikan, penggalakan dan penyemarakan memerlukan kewangan bagi menampung aktiviti-aktiviti berkaitan. Projek penyelidikan memerlukan biaya bagi kerja-kerja penyelidikan yang khusus dan terperinci. Aktiviti pendidikan pula memerlukan pembiayaan pembelian peralatan, pembinaan studio latihan tambahan di ASWARA. Bagi penggalakan muzik tradisi, pertandingan bermain alat muzik dan pertandingan nyanyian lagu-lagu asli wajar diberi pembiayaan agar generasi muda dapat terus mengasah, mengenengahkan dan memupuk bakat mereka dalam bidang ini. Bagi menjayakan semua aktiviti ini sejumlah RM5 juta diperlukan setahun.

V. MENINGKATKAN KUALITI LAGU DAN RAKAMAN

51. Salah satu aspek penerimaan sesuatu lagu itu ialah kualiti lagu berkenaan yang merangkumi irama, lirik, penggunaan alat muzik, gubahan muzik dan juga proses rakaman, di samping mutu vokal artis itu sendiri. Bagi meningkatkan kualiti tersebut, mereka yang berkenaan perlu diberi latihan dan bimbingan daripada segi penciptaan irama, penulisan lirik yang bermutu melalui penggunaan bahasa dan maksud mesej yang hendak disampaikan, metodologi bermain alat muzik, dan penggubahan serta susunan skor muzik. Daripada aspek teknikal pula para jurutera audio perlu menjalani latihan penggunaan peralatan rakaman serta teknik rakaman. Selain daripada itu kemahiran-kemahiran yang disebutkan perlu seiring dengan pewujudan prasarana terkini dan canggih agar hasrat peningkatan kualiti ini dapat dicapai.

VI. PEMBERIAN PENGHARGAAN DAN PENGIKTIRAFAN

52. Para artis dalam bidang seni muzik adalah juga insan yang mampu menyahut seruan Kerajaan memartabatkan negara Malaysia di persada antarabangsa. Justeru, adalah wajar Kerajaan memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada mereka yang telah menunjukkan kebolehan dan kepakaran yang diakui atau memenangi pertandingan samada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa dengan cara:

- i) pemberian Anugerah Seniman Negara, Anugerah Karyawan Seni Muzik dan Anugerah Bakat Muda Seni Muzik yang dikendali oleh KeKKWa;

- ii) pemberian anugerah lain yang dikendali oleh badan yang diiktiraf oleh Kerajaan, seperti SOH Cameronian Arts Award;
- iii) pemberian anugerah pingat kebesaran negara dan negeri;
- iv) pemberian anugerah oleh Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi serta IPT bagi pelajar/siswa yang cemerlang dalam bidang muzik; dan
- v) perlantikan sebagai duta Malaysia dalam seni muzik dengan peluang persembahan di luar Negara.

VII. PEMASARAN, PROMOSI DAN PENGIKLANAN

53. Penggiat industri muzik perlu meneroka sejauh mungkin peluang pasaran bagi memasarkan kerjaya, hasil karya dan pengembangan perniagaan, samada di peringkat tempatan mahupun antarabangsa. Kerajaan perlu membantu memberi sokongan polisi, ruang, insentif dan kemudahan bagi pengembangan kerjaya penggiat industri, terutama hasil karya yang berkualiti dan menjangkau era, untuk dipromosi ke peringkat yang lebih tinggi.

54. Pendekatan dan strategi promosi dan pemasaran industri muzik Malaysia di peringkat tempatan perlu dipertingkatkan terlebih dahulu dan berada di situasi memberangsangkan sebelum mengorak langkah ke peringkat antarabangsa.

Promosi di Peringkat Tempatan

55. Antara langkah-langkah yang boleh dilaksanakan melalui promosi tempatan adalah seperti berikut:

Mengurangkan Birokrasi Dalam Penganjuran Konsert:

55.1 Konsert merupakan sumber pendapatan penting bagi penganjur acara dan artis yang terlibat. Namun, mereka menghadapi permasalahan penganjuran akibat keneakan birokrasi kerajaan yang kurang memudahkan penganjuran acara berkenaan. Permasalahan birokrasi dan kelewatan dalam proses membuat keputusan perlu diatasi bagi menggalakkan lebih banyak lagi konsert dianjurkan disamping memberi banyak peluang pekerjaan kepada penggiat seni muzik dan seni suara, pembekal peralatan, pengiklan dan sebagainya. Dalam hubungan ini adalah dicadangkan penyelesaiannya seperti berikut:

Mempercepatkan Tempoh Menimbang Permohonan:

55.2 Adalah dicadangkan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) memberi pertimbangan dan keputusan bagi setiap permohonan lesen dalam tempoh tidak melebihi satu minggu daripada tarikh permohonan lengkap diterima.

55.3 Dalam hal ini perlu diwujudkan Jawatankuasa Pusat Setempat Bagi Permohonan Persembahan Artis yang diterajui oleh PBT, dan terdiri daripada semua agensi kerajaan yang terlibat dalam pemberian kelulusan bagi sesuatu penganjuran konsert atau persembahan artis. Fungsi utama Jawatankuasa ini ialah menerima, memproses, menimbang dan memberi keputusan akan sesuatu permohonan.

Menyeragamkan Peraturan Sedia Ada:

55.4 Prosedur permohonan dan syarat-syarat lesen yang dikenakan oleh PBT perlu diselaraskan dan diseragamkan. Dalam perkara ini Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) perlu mengambil inisiatif bagi tujuan tersebut.

55.5 Adalah dicadangkan juga supaya KPKT mengkaji semula semua jenis borang permohonan permit berkaitan penganjuran konsert agar satu borang bersepadu diwujudkan bagi memudahkan pemohon, dan menyingkatkan masa bagi pihak-pihak lain yang berkaitan menimbangkannya.

Penganjuran Festival Muzik:

55.6 Festival Muzik merupakan salah satu landasan bagi promosi. Di festival ini penggiat muzik diberi peluang untuk mengenengahkan bakat mereka, sementara syarikat rakaman berpeluang memperkenalkan produk baru mereka, terutama jenama baru muzik Malaysia, kepada awam. Festival serupa juga memberi peluang kepada penganjur muzik antarabangsa meninjau peluang mengenalpasti bakat dan muzik Malaysia untuk diketengahkan di peringkat antarabangsa, sekali gus membuka peluang pasaran yang lebih luas kepada produk Malaysia.

55.7 Festival ini dicadangkan dianjurkan di semua negeri sekurang-kurangnya sekali setahun dengan penglibatan KeKKWa sebagai peneraju utama dibantu oleh pihak swasta, badan korporat dan media massa, samada daripada aspek tajaan atau publisiti.

Penganjuran Persembahan Khusus Untuk Muzik Malaysia:

55.8 Produk muzik berjenama, imej dan identiti Malaysia yang didasari oleh kekayaan seni budaya tempatan perlu dipromosikan seluas-luasnya kerana genre muzik ini masih kurang diterokai dan dihayati oleh peminat muzik terutama generasi muda. Oleh itu, Kerajaan melalui KeKKWa, Kementerian Penerangan dan Pihak Berkuasa Tempatan serta industri muzik sendiri perlu mengambil langkah bersepadu menganjurkan lebih banyak persembahan khusus untuk jenama muzik Malaysia.

Penganjuran Pertandingan Muzik Di Peringkat IPT:

55.9 Pertandingan merupakan salah satu langkah ke arah promosi. Justeru, perlu diwujudkan pertandingan bagi muzik Malaysia bukan sahaja di kalangan masyarakat umum tetapi juga di kalangan siswa IPT. Melalui cara ini akan wujud satu rupabentuk persaingan di kalangan siswa IPT untuk meningkatkan kemahiran mereka, disamping dapat mempromosi lagu-lagu ciptaan mereka dan lagu-lagu berjenama Malaysia amnya, terutama kepada warga kampus yang lain. Dalam hal ini IPT boleh berkerjasama dengan KeKKWa untuk merekabentuk pertandingan yang sesuai khusus untuk siswa.

Promosi Di Peringkat Antarabangsa

56. Promosi di peringkat antarabangsa memerlukan kerjasama padu antara Kerajaan, syarikat rakaman, media massa dan badan korporat. Antara langkah-langkah yang dikenal pasti ialah:

Memanfaatkan Perjanjian Kerjasama Kebudayaan Antara Negara:

56.1 Hubungan diplomatik dengan negara luar seperti Perjanjian Kerjasama Kebudayaan Antara Negara perlu dimanfaatkan oleh pihak industri sendiri untuk menembusi pasaran muzik luar negara dengan mempromosikan muzik tempatan di negara-negara berkenaan.

Jaringan Kerjasama Oleh Syarikat Rakaman Antarabangsa:

56.2 Syarikat rakaman antarabangsa yang mempunyai cawangan di Malaysia seperti Universal Music, Sony-BMG Music, Warner Music, EMI dan sebagainya seharusnya mengambil kesempatan jaringan antarabangsa ini untuk memasarkan dan mempromosikan produk tempatan ke pasaran antarabangsa dengan mewujudkan kerjasama antara syarikat rakaman antarabangsa tempatan dan syarikat rakaman induk di luar negara.

Penyertaan Di Festival Antarabangsa:

56.3 Artis, pemuzik, serta pencipta yang berpotensi ke peringkat antarabangsa diberi insentif, bantuan dan biaya oleh KeKKWa untuk diketengahkan ke pasaran antarabangsa, terutama menyertai festival muzik antarabangsa bagi mempromosikan bakat, produk dan karya-karya mereka kepada pelabur luar.

Menganjurkan Festival Muzik Di Luar Negara:

56.4 Program Malaysia Culture Week yang akan diadakan di Britain dan Program Titian Budaya bersama negara-negara ASEAN anjuran KeKKWa perlu diperluaskan skopnya dengan turut memasukkan pakej muzik Malaysia dengan penyertaan artis tempatan yang berkaliber untuk persembahan di negara-negara terlibat.

VIII. INSENTIF DAN CUKAI

57. Bagi memastikan pulangan daripada jualan hasil karya seni muzik dapat mencapai tahap sekurang-kurangnya pulangan modal bagi membolehkan industri ini terus berdaya saing, adalah dicadangkan diwujudkan beberapa insentif seperti berikut:

Insentif Pengeluaran Album

58. Bagi menggalakkan pengeluaran album mengandungi muzik jenama Malaysia, Kerajaan hendaklah mewujudkan dana pinjaman yang diterajui oleh KeKKWa bermodalkan jumlah dana sebanyak RM30 juta sebagai permulaan. Dana ini dilaksanakan oleh institusi perbankan tempatan sepertimana dana pinjaman yang diwujudkan untuk industri perfileman negara.

59. Dana ini adalah untuk kegunaan syarikat rakaman yang menerbitkan album baru lagu jenama Malaysia bagi artis tempatan dan antarabangsa. Jumlah pinjaman dihadkan kepada nisbah 1:1, yakni amaun pinjaman adalah sama nilainya secara tunai dengan perbelanjaan yang dikeluarkan, tertakluk kepada perbelanjaan asas seperti sewa peralatan muzik dan studio rakaman, serta penerbitan kulit album.

60. Jumlah pinjaman juga adalah mengikut struktur penerbitan album berkenaan, yakni bergantung kepada status artis sama ada artis baru atau bukan baru, urutan bilangan album diterbitkan oleh artis berkenaan, dan tahap profesionalisme dan populariti artis berkenaan. Kaedah bayaran balik dicadangkan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Insentif Cukai

61. Insentif cukai adalah dicadangkan bagi sektor-sektor berikut:

Sektor Pengeluaran:

61.1 Mewujudkan pelepasan cukai syarikat keatas perbelanjaan pengeluaran album bagi syarikat rakaman yang mengeluarkan album sulung artis tempatan. Langkah ini sekurang-kurangnya mengurangkan kos syarikat seandainya album sulung artis berkenaan tidak mendapat sambutan dan, oleh itu, kurang mencapai pulangan hasil yang memuaskan bagi pulangan modal.

61.2 Mewujudkan pengecualian cukai tanpa had ke atas royalti yang diterima oleh syarikat rakaman. Melalui insentif ini royalti yang diterima boleh dijadikan pusingan modal bagi syarikat berkenaan untuk terus mengeluarkan album-album baru.

61.3 Menghapuskan cukai perkhidmatan ke atas penggunaan studio rakaman untuk maksud pengeluaran album dan sesi jamming. Langkah ini bertujuan mengurangkan kos pengeluaran sesuatu album, disamping memberi ruang dan peluang kepada ramai bakat baru mengadakan sesi latihan secara jamming di premis yang mempunyai cukup peralatan.

Sektor Jualan:

61.4 Menghapuskan cukai jualan ke atas peralatan muzik. Penghapusan cukai jualan ke atas peralatan muzik sekurang-kurangnya memberi manfaat kepada pelajar muzik untuk memperolehi peralatan ini bagi maksud pembelajaran mereka.

Sektor Pemasaran:

61.5 Memberi pelepasan cukai syarikat/pendapatan kepada institusi pendidikan swasta, badan-badan korporat dan individu ke atas tajaan mereka bagi penganjuran aktiviti seni muzik. Langkah ini bertujuan untuk menggalakkan penyertaan bukan Kerajaan dalam pengembangan muzik tempatan.

Insentif Pengurangan Duti Hiburan Ke Atas Tiket Yang Dijual

62. Peraturan sedia ada adalah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mengenakan duti hiburan sebanyak 25% ke atas harga tiket bagi setiap tiket yang dijual. Kadar ini dianggap terlalu tinggi dan boleh membantut usaha bagi penganjuran persembahan artis, kerana harga tiket yang tinggi boleh menghalang masyarakat daripada menonton persembahan berkenaan.

63. Kerajaan Persekutuan telah menghapuskan syarat ini bagi pementasan artis tempatan yang diadakan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Wilayah Persekutuan Labuan. Bagi meningkatkan penganjuran persembahan artis dan memberi mereka lebih peluang untuk berkarya, serta memberi lebih peluang kepada awam untuk menikmati hiburan, adalah dicadangkan Kerajaan Negeri mengurangkan kadar ini kepada 5% sahaja.

64. Bagi memastikan peraturan ini tidak merugikan Kerajaan Negeri, adalah dicadangkan Kerajaan Persekutuan membuat bayaran balik kepada Kerajaan Negeri perbezaan amaun duti hiburan yang sepatutnya diterima oleh Kerajaan Negeri hasil daripada penganjuran pementasan.

65. Daripada penelitian yang dibuat berdasarkan anggaran kutipan tahunan duit hiburan pementasan seluruh negara bagi negeri-negeri yang aktif dalam penganjuran pementasan (Pulau Pinang, Selangor dan Johor) dan yang kurang aktif (Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Kedah, dan Sarawak) jumlah kutipan adalah RM360,000 setahun. Oleh itu jumlah perbezaan yang perlu dibayar oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri secara tahunan ialah dalam sekitar RM288,000 sahaja.

66. Jumlah ini adalah kecil jika dibandingkan dengan pulangan kitaran yang diperolehi daripada penganjuran pementasan, seperti pulangan ekonomi melalui aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan penganjuran pementasan berkenaan iaitu penyewaan peralatan, pengiklanan, pengangkutan, perhotelan, perniagaan runcit dan sebagainya. Secara purata juga pengurangan ini tidak banyak menjejaskan keseluruhan kutipan hasil pendapatan Kerajaan Negeri memandangkan kadar 25% duit hiburan bagi aktiviti lain selain pementasan, seperti hiburan di hotel dan sebagainya masih lagi dikekalkan.

IX. PERATURAN DAN PERUNDANGAN

67. Peraturan dan perundangan dikenalpasti sebagai salah satu punca kemerosotan industri muzik tanahair. Justeru, adalah dicadangkan langkah-langkah berikut diambil bagi mengatasi masalah ini:

Melesenkan Penganjur Konsert

68. Penganjuran konsert berbayar merupakan salah satu aspek dalam pemasaran muzik. Melalui konsert lebih banyak peluang bagi artis untuk dilihat dan diperdengarkan serta dapat membantu meningkatkan penjualan album artis. Sungguhpun begitu, penganjuran konsert perlu dikawal agar pengguna tidak dimanipulasi oleh penganjur samada daripada aspek penggunaan nama artis sebagai pelaris atau harga tiket yang kurang bersesuaian dengan mutu konsert yang ditawarkan. Insiden-insiden seperti ini telahpun berlaku, seperti *Konsert Shah Rukh Khan* pada tahun 2003 yang dibatalkan oleh penganjur pada saat akhir.

69. Bagi memastikan insiden seperti ini tidak berulang, Kerajaan perlu merangka satu peraturan bahawa semua penganjur konsert hendaklah mempunyai lesen penganjuran, seperti lesen pengeluaran filem yang dikeluarkan oleh FINAS kepada yang layak menerbitkan filem. Tugas ini wajar dikendalikan oleh KeKKWa sebagai agensi yang bertanggungjawab tentang hal ehwal kebudayaan dan kesenian di negara ini.

Menangani Cetak Rompak

70. Kegiatan cetak rompak mempunyai pelbagai implikasi negatif samada ke atas ekonomi negara, kebudayaan dan kesenian serta reputasi negara di peringkat antarabangsa. Adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan mengemukakan pelbagai strategi untuk mengatasinya. Di antara strategi yang telah dikenalpasti ialah:

- i) Undang-Undang dan Akta Yang Dikuatkuasakan;
- ii) Tindakan Penguatkuasaan;
- iii) Tindakan Undang-Undang Ke Atas Penjenayah;
- iv) Peraturan Kawalan Percetakan Haram Cakera Optik; dan
- v) Kempen Anti Cetak Rompak.

Undang-Undang Dan Akta Yang Dikuatkuasakan:

70.1 Pada masa kini terdapat tiga Akta yang dikuatkuasakan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan dua Akta di bawah Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi (KTAK) yang ada kaitan secara langsung dengan aktiviti cetak rompak. Akta-akta tersebut adalah seperti berikut:

Akta Dikuatkuasakan Oleh KPDNHEP:

- i) Akta Perihal Dagangan 1972
- Perintah Perihal Dagangan (Label Tulen) 2002
- ii) Akta Hakcipta 1987
- iii) Akta Cakera Optik 2000

Akta Dikuatkuasakan Oleh KTAK:

- i) Akta Komunikasi & Multimedia 1998
- ii) Akta Jenayah Komputer 1997

Tindakan Penguatkuasaan:

70.2 Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah mengambil pelbagai langkah untuk menguatkuasakan undang-undang dan juga kempen untuk mengatasi masalah cetak rompak. Berikut adalah langkah-langkah dan tindakan yang sedang diambil oleh KPDNHEP:

- i) Tindakan penguatkuasaan melarang penjualan CD/VCD/DVD di premis-premis terbuka;
- ii) Mempertingkatkan aktiviti risikan bagi mengesan punca pengeluaran CDNCD/DVD haram;
- iii) Bekerjasama dengan Jabatan Kimia menubuhkan Pusat Forensik bagi mengesan punca pengeluaran CD/VCD/DVD secara haram;
- iv) Memperkuatkan Pasukan Khas (Dedicated Team) bagi menjalankan operasi penguatkuasaan dan disokong dengan pewujudan pasukan pendakwaan yang berkemahiran bagi mengendalikan kes-kes cetak rompak;
- v) Melaksanakan penandaan label tulen bagi memudahkan usaha membezakan bahan-bahan cetak rompak dengan produk tulen; dan
- vi) Kawalan terhadap pengeksportan CD/VCD cetak rompak.

Tindakan Undang-Undang Ke Atas Penjenayah:

70.3 Tindakan undang-undang adalah seperti berikut:

- i) Menggalakkan tindakan sivil ke atas penjenayah cetak rompak oleh tuan-tuan punya hakcipta sendiri; dan

- ii) Memantapkan lagi peruntukan undang-undang akta dengan meminda Akta Hakcipta 1987 termasuk daripada aspek kuasa pegawai dan penalti supaya hukuman yang lebih berat boleh dikenakan terhadap penjenayah cetak rompak.

Peraturan Mengawal Percetakan Cakera Optik Haram:

70.4 Tindakan pengawalan adalah seperti berikut:

- i) Mempertingkatkan Aktiviti Risikan Bagi Mengesan Punca Pengeluaran.

Kempen Anti Cetak Rompak:

70.5 Beberapa tindakan dikenalpasti untuk menangani kegiatan cetak rompak, seperti berikut:

- i) Membanteras perisian komputer cetak rompak melalui Kempen "Ops Tulen";
- ii) Mengadakan jualan mega CD/VCD/DVD untuk mendapat sokongan pengguna; dan
- iii) Menganjurkan kempen kesedaran untuk mendidik pengguna supaya menghormati harta intelek dan tidak melanggan barang cetak rompak.

Kajian Semula Peraturan-Peraturan Yang Dikenakan Oleh Kerajaan

71. Dalam usaha Kerajaan untuk menangani beberapa masalah yang berkaitan dengan pulangan dan jualan album, kerajaan telah mengenakan beberapa syarat kepada syarikat rakaman. Bagaimanapun, terdapat beberapa peraturan yang perlu dikaji semula kerana peraturan-peraturan ini dianggap lebih membebankan syarikat rakaman. Peraturan-peraturan yang perlu dikaji semula adalah seperti berikut:

Kajian Semula Syarat Penggunaan Hologram:

71.1 Dalam usaha menangani kegiatan cetak rompak album, Kerajaan melalui KPDNHEP telah mensyaratkan semua album yang dikeluarkan oleh syarikat rakaman hendaklah mempunyai tampalan hologram di setiap muka album bagi menunjukkan bahawa album berkenaan adalah tulen. Hologram adalah label rasmi yang dikeluarkan oleh KPDNHEP sebagai pengesahan CD/ VCD tulen.

71.2 Peraturan Label Tulen ini yang dikuatkuasa pada tahun 2003 melalui Akta Perihal Dagangan 1972 adalah didapati lebih membebankan syarikat rakaman walaupun tujuannya baik dan melindungi ketulenan sesebuah album. Ini ialah kerana syarikat rakaman yang tidak menggunakan tampalan ini akan didenda di mahkamah kerana melanggar peraturan. Pada waktu yang sama penjualan album tanpa tampalan ini, seperti yang berlaku kepada album cetak rompak, tidak diambil apa-apa tindakan selain daripada rampasan album yang dicetak rompak dan kenaan denda kepada penjual jika penjual dapat dikesan dan jika sabit kesalahan.

71.3 Syarikat rakaman perlu menyediakan RM 1.00 bagi kos setiap hologram untuk setiap kepingan album tulen yang hendak dijual. Mereka berpendapat bahawa penyediaan hologram ini menambah beban kewangan syarikat seandainya kegiatan cetak rompak masih berleluasa dan sikap pengguna membeli album yang bukan tulen masih di takok lama. Justeru, adalah wajar Kementerian berkenaan mengkaji semula peraturan ini agar isu penjualan album tulen lebih memihak kepada syarikat

rakaman. Pihak industri mencadangkan agar peraturan ini dimansuhkan atau diganti dengan peraturan lain yang lebih praktikal.

Kajian Semula Pemberian Sijil B Dalam Pengeluaran Album VCD:

71.4 Ketika ini Lembaga Penapisan Filem (LPF) mensyaratkan bahawa setiap kepingan album VCD yang hendak dijual hendaklah ada tampalan sijil perakuan Sijil B yang dikeluarkan oleh LPF, menandakan bahawa kandungan video dalam album berkenaan telah lulus tapisan LPF. Syarikat rakaman berpendapat bahawa peraturan ini membebankan kewangan syarikat kerana perlu membayar kos penyediaan sijil berkenaan yang ditampal di setiap permukaan kulit album.

71.5 Pihak industri berpendapat adalah lebih wajar LPF mengeluarkan Sijil A sahaja yang merangkumi sijil bagi setiap kumpulan kepingan album yang sama yang dijual dan bukan mengikut setiap kepingan album berkenaan. Ini bermakna setiap album VCD tidak perlu ada sijil berkenaan ditampal di setiap kepingan album, hanya memadai satu sijil sahaja bagi setiap kumpulan kepingan album yang sama jenisnya. Langkah ini dapat mengurangkan kos pengeluaran album dan dapat membantu mengurangkan harga album tulen di pasaran.

Kajian Semula Peraturan Larangan Penjualan Album DiTempatTerbuka:

71.6 Peraturan KPDNHEP melarang penjualan CD/VCD/DVD di premis-premis terbuka memberi kesan negatif kepada penjualan album tulen. Ini disebabkan syarikat penjualan album, terutama yang berangkaian, kurang mempunyai rangkaian di kawasan luar bandar terutama di pedalaman. Kekosongan ini diisi oleh penjual album cetak rompak yang mengambil peluang mengaut keuntungan daripada situasi ini. Para pembeli pula tiada pilihan lain selain daripada membeli album cetak rompak ini daripada mengeluarkan perbelanjaan ke bandar yang mempunyai premis penjualan album hanya untuk membeli album tulen.

Mewujudkan Undang-Undang Khas

72. Pada masa ini, terlalu banyak undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan industri muzik telah diwujudkan di pelbagai kementerian. Kementerian-kementerian yang terlibat adalah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dengan Akta Perihal Dagangan 1972 - Perintah Perihal Dagangan (Label Tulen) 2002, Akta Hakcipta 1987 dan Akta Cakera Optik 2000, Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi dengan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan Akta Komputer 1997, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui Lembaga Penapis Filem, Kementerian Penerangan mengenai Kod Etika Penyiaran TV RTM dan KeKKWa dengan Garis Panduan Permohonan Penggambaran Filem Dan Persembahan Artis Luar Negara (PUSPAL). Undangundang dan peraturan tersebut melibatkan pengawalan harga, penguatkuasaan ke atas aktiviti cetak rompak, kawalan penyiaran lagu di radio dan kandungan siaran televisyen awam/swasta serta penganjuran konsert.

73. Senario semasa menunjukkan tiadanya penyelarasan yang konkrit di antara kementerian-kementerian yang terlibat dalam menguatkuasakan undang-undang tersebut. Peruntukan undang-undang sedia ada terletak di bawah bidang kuasa kementerian yang berbeza-beza. Keadaan ini menyebabkan tindakan-tindakan yang diambil ke atas isu pelanggaran syarat dan kegiatan cetak rompak kurang berkesan dan tidak seragam. Orang ramai dan penggiat industri keliru kementerian mana yang perlu dirujuk untuk membuat sebarang aduan ataupun mendapatkan penjelasan mengenai sesuatu isu berkaitan industri muzik. Oleh yang demikian, KeKKWa berpendapat perlu diwujudkan

undang-undang khas untuk industri muzik yang menghimpunkan semua peruntukan undang-undang berkaitan.

X. INFRASTRUKTUR

Mewujudkan Studio Rakaman Bersepadu Dan Canggih

74. Adalah dicadangkan studio rakaman bersepadu diwujudkan bagi membolehkan pengeluaran album dikendali dengan kos penyewaan yang berpatutan. Pewujudannya dicadangkan dibuat di ASWARA yang mempunyai pendidikan dalam bidang seni persembahan, khususnya muzik. Pewujudan studio ini boleh berfungsi serampang dua mata yakni sebagai prasarana bagi pengeluaran album artis secara komersial dan sebagai studio latihan kepada pelajar dalam bidang seni muzik bagi persediaan untuk mereka menghadapi dunia industri muzik selepas tamat pengajian. Anggaran kos bagi mewujudkan studio rakaman ini dianggarkan berjumlah RM2 juta dan telah pun dipohon di bawah Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMKe 9).

Menambah Baik Dan Menambah Bilangan Prasarana Pementasan

75. Seperti juga mutu lagu yang dinilai melalui irama, lirik dan gubahan yang perlu seiring dengan mutu rakaman, mutu konsert yang dinilai, antaranya, melalui kewibawaan artis dan repertoire juga perlu seiring dengan mutu prasarana konsert berkenaan. Walau bagaimana mantap sekalipun persembahan seseorang artis, mutu persembahannya dianggap tidak memuaskan seandainya kualiti peralatan teknikal yang digunakan tidak mencapai tahap yang dicita. Bagi tujuan ini adalah dicadangkan pembinaan prasarana persembahan melalui penubuhan Taman Budaya di negeri-negeri yang belum mempunyainya seperti di Selangor, Sabah, Sarawak, Kelantan dan Johor. Anggaran kos pembinaan adalah RM77 juta dan telah pun dipohon di bawah RMKe 9.

76. Selain itu, prasarana yang baik juga harus mempunyai persekitaran yang selesa dan kemudahan untuk orang awam. Perlu ada kemudahan letak kereta yang luas bersebelahan dengan prasarana berkenaan, restoran, surau, kemudahan mesin mengeluarkan wang secara elektronik dan sebagainya.

77. Disamping itu prasarana yang baik juga harus mempunyai sistem penjualan tiket berangkaian bagi memudahkan penjualan tiket, serta bagi pengguna mendapatkan tiket berkenaan di tempat lain tanpa ada keperluan ke prasarana yang mementaskan konsert berkenaan.

78. Ketika ini terdapat hanya sebilangan sahaja prasarana yang benar-benar mencakupi syarat-syarat seperti dinyatakan. Istana Budaya dan Dewan Philharmonik Petronas adalah prasarana yang dianggap terancang bagi seni persembahan ketika ini. Prasarana lain seperti Panggung Bandaraya, Auditorium Bandaraya, KL Performing Arts Centre, Dewan Sivik Petaling Jaya dan Taman-taman Budaya sedia ada di negeri-negeri perlu ditambah baikkan serta dipertingkatkan. Anggaran kos bagi penambahbaikan Taman-taman Budaya sedia ada di negeri-negeri serta Istana Budaya dianggarkan berjumlah RM52 juta. Peruntukan ini telah pun dipohon di bawah RMKe 9.

79. Melihat kepada statistik jumlah ini maka adanya keperluan untuk menambah bilangan prasarana-prasarana seperti berkenaan bukan sahaja di ibukota malah juga sekurang-kurangnya sebuah di setiap negeri. Dengan cara ini hasil konsert bukan sahaja memuaskan tetapi juga konsert boleh dianjurkan secara jalanan (road show) di merata negeri. Cara ini juga memberi lebih peluang dan ruang kepada artis untuk dilihat dan diperdengarkan, serta membantu menambah penjualan album artis.

XI. SISTEM PENGURUSAN

80. Bagi memastikan kesinambungan dan kejayaan dalam industri muzik tanahair, industri ini perlu diurus dan ditadbir dengan baik. Malaysia juga harus mempunyai sistem pengurusan yang melahirkan ramai penggerak dalam industri ini. Oleh yang demikian, Kerajaan, pihak swasta dan institusi pendidikan muzik harus berfikiran terbuka dan bersepakat tentang pentingnya pengujudan sistem pengurusan industri muzik yang berkesan.

Mewujudkan Khazanah Muzik

81. Khazanah merupakan gedung ilmu. Dari situ akar umbi dan susur galur sesuatu perkara dapat diselusuri untuk maksud pemahaman sesuatu tamadun bangsa. Khazanah muzik juga adalah salah satu sumber ilmu pengetahuan tentang budaya bangsa. Justeru itu, sudah tiba masanya Malaysia mempunyai sebuah khazanah muzik sebagai gedung penyimpanan sejarah dan artifak kesenian ini.

82. Untuk maksud ini KeKKWa memainkan peranan utama ke arah pewujudan gedung ini dengan dibantu oleh Kementerian Penerangan sebagai kementerian yang empunya stesen radio yang pertama di negara ini yang sudah tentu mempunyai simpanan album sejak stesen radionya mula beroperasi pada awal tahun lima puluhan. Syarikat rakaman yang bertanggungjawab dalam penerbitan album juga memainkan peranan memberi maklumat terperinci tentang pengeluaran sesuatu album.

83. Pada peringkat permulaan dicadangkan khazanah ini diwujudkan di Akademi Seni Budaya dan Warisan Negara (ASWARA), satu-satunya institusi pendidikan seni di Malaysia yang ditadbir sepenuhnya oleh Kerajaan melalui KeKKWa. Adalah diharapkan pewujudan khazanah ini merupakan titik permulaan ke arah pewujudan gedung sebenar yang boleh berfungsi sebagai pusat rujukan kesenian muzik antarabangsa dan menjadi kebanggaan Malaysia.

Meningkatkan Kegiatan Penyelidikan Dan Pembangunan (P&P)

84. Penyelidikan dan Pembangunan (P&P) adalah teras kepada pewujudan produk baru lebih-lebih lagi jika sesuatu produk itu dapat memberi pulangan dan membantu menjana ekonomi negara. Dalam hal ini industri muzik perlu mewujudkan P&P tersendiri untuk mengkaji beberapa aspek dalam industri ini yang boleh membantu membangunkan industri ini.

85. Antara aspek yang perlu diberi penekanan ialah pencarian muzik jenama Malaysia yang merangkumi kajian penggunaan alat muzik tradisional secara gabungan (*fusion*) dengan alat muzik barat. Satu lagi aspek yang tidak kurang pentingnya ialah penggunaan muzik dalam kehidupan seharian selain daripada fungsinya sebagai alat hiburan semata-mata. Berkemungkinan muzik boleh diterokai dengan lebih mendalam ke arah penggunaannya dalam terapi penyembuhan pesakit, misalnya.

86. Adalah dicadangkan kerja-kerja P&P diserahkan kepada IPT terutama IPT yang mempunyai pengkhususan dalam bidang muzik, dengan penyeliaan oleh keKKWa.

Mewujudkan Penggerak Dalam Industri Muzik

87. Kesinambungan dan kejayaan dalam industri muzik tanahair juga bergantung kepada kumpulan-kumpulan pakar sebagai penggerak dalam industri ini seperti berikut:

Kumpulan penggerak Kreativiti:

87.1 Membentuk kumpulan pakar kreatif yang terdiri daripada pencipta, penggubah, dan pemuzik untuk mencipta dan melahirkan muzik-muzik baru yang boleh bersaing di pasaran dunia. Kumpulan pakar ini juga bertindak menasihati Kerajaan bagi aspek-aspek yang berkaitan dengan kreativiti dalam bidang seni muzik.

Kumpulan Penggerak Melahirkan Kemahiran Keusahawanan Dan Peningkatan Ilmu Pengetahuan:

87.2 Membentuk kumpulan yang merancang mencari jalan dan kaedah bagi membantu mempertingkatkan profesionalisme penggiat seni muzik samada sebagai karyawan, pengurus, pekerja atau dalam bidang penerbitan, pemasaran dan sebagainya. Langkah ini adalah sebagai persiapan kepada penggiat seni muzik menghadapi dunia bidang ini sebagai satu bidang yang mampu menjana ekonomi kepada individu, masyarakat dan negara.

PENUTUP

88. Adalah sememangnya wajar bagi Kerajaan untuk membantu membangunkan industri muzik tanahair. Bagaimanapun, seperti pepatah bertepuk sebelah tangan takkan berbunyi, maka penggiat industri ini perlu sama-sama menghulur bantuan mental dan fizikal ke arah ini. Penggiat, terutama NGO dalam industri ini perlu mempunyai anjakan paradigma dan perubahan minda serta berani dan sentiasa mencuba sesuatu yang baru demi pembangunan dan kejayaan industri ini. Tanpa perubahan sikap ini adalah dikhuatiri muzik Malaysia akan sentiasa terkebelakang daripada arena muzik global dan yang lebih penting ialah bakat-bakat seni negara ini akan tenggelam ditelan zaman serta tiada apa yang boleh dibanggakan sebagai warisan negara.

Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan
Malaysia
September, 2005

